

14

Kementerian Pendidikan

- **Jabatan Kerja Raya Malaysia**
- **Jabatan Kerja Raya Sarawak**
- **Jabatan Kerja Raya Sabah**
 - Pengurusan Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah

PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
JABATAN KERJA RAYA SABAH
JABATAN KERJA RAYA SARAWAK




RUMUSAN AUDIT

"Pencapaian prestasi kerja naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah adalah **kurang memuaskan**. Ini kerana daripada 1,505 sekolah dikenal pasti mempunyai bangunan daif, hanya 411 sekolah yang diangkat permohonan pelaksanaan projek daif. Selain itu, pencapaian keberhasilan juga **tidak tercapai sepenuhnya** kerana sebahagian projek masih dalam fasa pelaksanaan/belum dimulakan sehingga akhir tahun 2022. Kelewatan mengangkat permohonan dan kelewatan pelaksanaan projek daif yang telah diluluskan boleh menjelaskan keselamatan murid dan guru apabila bangunan/ruang yang disahkan tidak selamat masih digunakan."

PENCAPAIAN OUTPUT

BIL. PELAKSANAAN PROJEK DAIF



BIL. SAMPEL AUDIT PROJEK DAIF

PRA BINA	45
PEMBINAAN	60
SIAP	23
PEROLEHAN TANAH	3

PENCAPAIAN KEBERHASILAN

Sasaran: Mewujudkan Persekitaran PdP yang Selamat dan Kondusif

a. Projek Siap

	23	Sekolah telah siap dilaksanakan projek daif
	15	Daripada 23 sekolah yang telah siap telah diserahkan kepada KPM/Sekolah sehingga 31.12.2022

b. Projek Dalam Pelaksanaan

7	Sekolah masih menggunakan bangunan/ruang yang telah disyorkan tidak selamat oleh JKR
5	Penempatan sementara tidak kondusif



RM1.026 Billion

Peruntukan yang Disalurkan

RM715.55 Juta (69.7%)

Jumlah Perbelanjaan

2019 - 2022

Tempoh Pelaksanaan



386 Projek

PENGURUSAN NAIK TARAF

Peruntukan yang disalurkan bagi projek daif adalah rendah berbanding siling diluluskan disebabkan kelewatan pelaksanaan projek.



Setakat 31 Disember 2022 kelewatan mengeluarkan PKTS kepada kontraktor adalah antara 185 hingga 310 hari.



1,094 sekolah dikenal pasti mempunyai bangunan daif tetapi permohonan pelaksanaan projek daif masih belum diangkat untuk kelulusan.



205 sekolah daripada 1,094 sekolah dikenal pasti telah memperolehi syor tidak selamat dan perlu diroboh serta syor penyenggaraan oleh JKR sejak tahun 2010, iaitu antara satu hingga 13 tahun setakat 31 Disember 2022.

**SYOR
AUDIT**

4

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
JABATAN KERJA RAYA SARAWAK
JABATAN KERJA RAYA SABAH
PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN
SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH**

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Kementerian Pendidikan (KPM) menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 komited untuk memastikan semua sekolah mencapai sekurang-kurangnya keperluan asas yang penting serta persekitaran yang selamat dan kondusif bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Mulai tahun 2016, KPM telah melaksanakan projek naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif (projek daif) di sekolah bagi memastikan infrastruktur sekolah dalam keadaan selamat dan kondusif. Bermula tahun 2020, pengurusan projek daif ditambah baik dengan memperkenalkan tahap keadaan bangunan sekolah mengikut skala iaitu Skala 1 hingga 7.
- Pengauditan meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah serta pengurusannya. Prestasi naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah dinilai berdasarkan pencapaian output dan keberhasilan. Pengurusan pula dinilai berdasarkan peruntukan dan perbelanjaan projek, pengurusan projek dan pengurusan sekolah yang belum diangkat permohonan projek daif. Pengauditan dijalankan terhadap sampel 131 sekolah yang diluluskan projek daif meliputi sampel 128 sekolah yang dilaksanakan projek daif dan tiga sekolah dilaksanakan perolehan tanah. Selain itu, pengauditan juga dijalankan terhadap sekolah yang belum diangkat permohonan projek daif bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 meliputi 205 sekolah yang telah diperiksa oleh JKR.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Sebanyak 1,505 sekolah dikenal pasti KPM mempunyai bangunan daif pada Skala 6 dan 7 bagi tempoh tahun 2019 sehingga 2022. KPM menyalurkan sejumlah RM1.026 bilion peruntukan untuk pelaksanaan 386 projek daif bagi tempoh yang sama.

- Sehingga 31 Disember 2022, sejumlah RM715.55 juta (69.7%) telah dibelanjakan yang mana 123 sekolah telah siap dan 263 sekolah dalam peringkat pelaksanaan.

Rumusan Pencapaian prestasi kerja naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah adalah kurang memuaskan. Ini kerana daripada 1,505 sekolah dikenal pasti mempunyai bangunan daif, hanya 411 sekolah yang diangkat permohonan pelaksanaan projek daif dan prestasi pelaksanaan projek adalah rendah. Selain itu, pencapaian keberhasilan juga tidak tercapai sepenuhnya kerana sebahagian projek masih dalam fasa pelaksanaan/belum dimulakan sehingga akhir tahun 2022. Kelewatkan mengangkat permohonan dan kelewatkan pelaksanaan projek yang telah diluluskan boleh menjelaskan keselamatan murid dan guru apabila bangunan/ruang yang disahkan tidak selamat masih digunakan.

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
1.	Sebanyak 40 daripada sampel 60 sekolah dalam pembinaan yang diaudit telah melebihi tempoh siap asal yang ditetapkan antara lima hingga 506 hari (16 bulan 18 hari). Sebanyak 17 sekolah sepatutnya telah disiapkan pada tahun 2021 dan 2022. Bagaimanapun sehingga 31 Disember 2022, peratus kemajuan kerja hanya mencapai 20.4% hingga 99.0%.	PdP dilaksanakan dalam keadaan tidak selamat dan tidak kondusif.	Pelaksanaan projek perlu dipantau dengan rapi supaya projek daif dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.
2.	Sehingga 31 Disember 2022 projek daif di 42 sekolah ini masih belum dibuat pelantikan kontraktor dengan kelewatkan antara empat hingga 22 bulan disebabkan perubahan butiran (NOC) dan kelewatkan permohonan kelulusan meroboh daripada KPM kepada KPKR.		Melaksanakan sesi libat urus dengan semua pihak yang terlibat supaya keperluan setiap agensi berkenaan dapat diselaraskan dan pembangunan sekolah menepati keperluan pengguna.

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
3.	Permohonan projek daif bagi baki 1,094 (72.7%) sekolah masih belum diangkat kepada Kementerian Ekonomi sehingga 31 Disember 2022. Ini meliputi 205 (18.7%) sekolah yang telah dilaksanakan pemeriksaan dan mendapat syor tidak selamat dan perlu diroboh atau syor penyenggaraan daripada JKR sejak tahun 2010, iaitu antara satu hingga 13 tahun setakat 31 Disember 2022 manakala 889 sekolah masih belum dibuat pemeriksaan.		KPM perlu mengangkat lebih banyak permohonan projek daif kepada pihak Kementerian Ekonomi untuk kelulusan bagi memastikan sekolah yang dikenal pasti mempunyai bangunan daif dinaik taraf dengan segera. KPM hendaklah menyediakan perancangan penyuraian murid bagi sekolah yang dikenal pasti mempunyai bangunan daif supaya PdP dapat dilaksanakan dalam keadaan yang selamat dan kondusif.
4.	Sebanyak tujuh sekolah yang belum siap pelaksanaan projek daif dan 16 sekolah yang belum diangkat permohonan projek daif masih menggunakan bangunan/ruang yang telah disyorkan tidak selamat oleh JKR. Selain itu, bangunan/ruang yang telah disyorkan tidak selamat di 14 sekolah telah dikosongkan namun sehingga 31 Disember 2022, masih belum dirobohkan.		KPM perlu melaksanakan penyenggaraan secara berkala bagi memastikan bangunan sekolah sentiasa berada dalam keadaan selamat dan kondusif untuk tujuan pelaksanaan PdP.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

JABATAN KERJA RAYA SARAWAK

JABATAN KERJA RAYA SABAH

1. PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH

FAKTA UTAMA

Bangunan Daif di Sekolah	Projek Daif 2019 - 2022	Kos Projek Daif 2019 - 2022
1,505 Bilangan sekolah yang dikenal pasti mempunyai bangunan daif sehingga 31 Disember 2022	398 Bilangan sekolah yang diluluskan projek daif	RM1.026 Bilion Peruntukan yang disalurkan
411 Bilangan sekolah dimohon untuk pelaksanaan projek daif bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022	386 Bilangan sekolah yang dilaksanakan projek daif	RM715.55 Juta Jumlah perbelanjaan
Objektif Projek	Memastikan semua sekolah mencapai sekurang-kurangnya keperluan asas yang penting serta persekitaran yang selamat dan kondusif bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP)	
Kementerian Pendidikan (KPM)	Menyelaras dan mengangkat permohonan pelaksanaan projek untuk kelulusan Kementerian Ekonomi	
Agensi Pelaksana	Bertanggungjawab mengurus perolehan kerja dan memantau pelaksanaan projek. Sebanyak empat agensi pelaksana yang terlibat iaitu KPM, Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia, JKR Sabah dan JKR Sarawak	


1. LATAR BELAKANG

1.1. Berdasarkan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Kementerian Pendidikan (KPM) bertanggungjawab untuk menubuh dan menyediakan kemudahan pendidikan di peringkat pra sekolah, pendidikan rendah, menengah, lepasan menengah dan tinggi. Menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, KPM komited untuk memastikan semua sekolah mencapai sekurang-kurangnya keperluan asas yang penting serta persekitaran yang selamat dan kondusif bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP).

1.2. Mulai tahun 2016, KPM telah melaksanakan projek naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif (projek daif) di sekolah bagi memastikan infrastruktur sekolah dalam keadaan selamat dan kondusif. Pada peringkat awal pelaksanaan projek daif, definisi daif adalah merujuk kepada bangunan sekolah yang tidak kondusif dan mempunyai isu kepadatan murid.

1.3. Bermula tahun 2020, KPM telah menambah baik pengurusan projek daif dengan memperkenalkan tahap keadaan bangunan sekolah mengikut skala iaitu


Skala 1 hingga 7. Kaedah skala tersebut telah dimasukkan ke dalam Sub Modul Infrastruktur Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan (EMIS) dan diguna pakai oleh semua sekolah di seluruh Malaysia. Butiran lanjut tahap keadaan bangunan/ruang di sekolah bagi Skala 1 hingga 7 adalah seperti dalam **Rajah 1**. Peranan agensi berkaitan serta proses penilaian bangunan dan permohonan projek daif adalah seperti dalam **Rajah 2**.



Sumber: Surat Arah Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia Bertarikh 19 November 2020

Nota: Skala 1 hingga 5 adalah Berdasarkan Persepsi Pengguna


JPN – Jabatan Pendidikan Negeri; PPD – Pejabat Pendidikan Daerah



Sumber: Surat Arah Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia Bertarikh 19 November 2020

1.4. Berdasarkan data Sub Modul Infrastruktur EMIS, rekod KPM dan senarai projek daif yang diluluskan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022, sebanyak 1,505 sekolah dikenal pasti oleh KPM mempunyai bangunan daif pada Skala 6 dan 7 di seluruh Malaysia (**Rajah 3**).


RAJAH 3
TABURAN 1,505 SEKOLAH YANG MEMPUNYAI BANGUNAN DAIF
BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022



Sumber: Rekod Sekolah yang Dikenal Pasti Mempunyai Bangunan Daif Bagi Tempoh Tahun 2019 hingga 2022 oleh KPM

1.5. Pada tahun 2019 hingga 2022, KPM telah mengangkat permohonan projek daif bagi 411 (27.3%) daripada 1,505 sekolah kepada Kementerian Ekonomi dan sebanyak 398 (96.8%) daripadanya telah diluluskan. Sebanyak 1,094 (72.7%) sekolah pula masih belum diangkat sehingga 31 Disember 2022. Sebanyak 205 sekolah daripada 1,094 sekolah tersebut telah dijalankan pemeriksaan dan dikeluarkan syor oleh JKR, manakala sebanyak 889 sekolah masih belum dibuat penilaian oleh JKR. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Rajah 4**.

RAJAH 4
PENGURUSAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN SEMULA BANGUNAN DAIF
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2022



Sumber: Rekod Sekolah yang Dikenal Pasti Mempunyai Bangunan Daif Bagi Tempoh Tahun 2019 hingga 2022 oleh KPM

1.6. Mengikut rekod KPM, sejumlah RM3.437 bilion kos siling diluluskan untuk pelaksanaan projek daif bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022. Kos projek dibiayai melalui Dana Pembangunan (DE) dan Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) II dan RM1 bilion Dana Pembangunan Khas. Selain itu, kos projek tersebut juga meliputi RM1 bilion Dana Pembangunan Khas yang diluluskan pada tahun 2019 untuk tambahan projek daif di negeri Sarawak. Sehingga 31 Disember 2022, Dana Pembangunan Khas ini telah meningkat kepada RM1.023 bilion.

2. OBJKTIF PENGAUDITAN


Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah telah dirancang dan dilaksanakan secara berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Objektif tersebut adalah untuk memastikan semua sekolah mencapai sekurang-kurangnya keperluan asas yang penting serta persekitaran yang selamat dan kondusif bagi pelaksanaan PdP.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah serta pengurusannya. Prestasi naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah dinilai berdasarkan pencapaian output dan keberhasilan. Pengurusan pula dinilai berdasarkan pencapaian kewangan, pengurusan projek daif dan pengurusan sekolah yang belum diangkat permohonan projek daif.

3.2. Pengauditan dijalankan terhadap sekolah yang diluluskan projek daif dan sekolah yang belum diangkat permohonan projek daif bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022. Semakan dokumen terperinci dilaksanakan terhadap 131 (32.9%) sekolah meliputi 128 sekolah yang dilaksanakan projek daif dan tiga sekolah yang telah diluluskan perolehan tanah bagi pelaksanaan projek daif. Selain itu, semakan dokumen juga dilaksanakan terhadap kesemua 205 sekolah yang telah diperiksa oleh JKR tetapi belum diangkat permohonan untuk pelaksanaan projek daif.

3.3. Pemeriksaan fizikal Audit telah dijalankan terhadap 68 sekolah di negeri Kedah, Perak, Sabah dan Sarawak meliputi 36 sekolah yang dilaksanakan projek daif dan tiga sekolah yang dilaksanakan perolehan tanah. Semakan dokumen dan lawatan fizikal Audit juga dilaksanakan terhadap 29 sekolah yang telah diperiksa dan mempunyai syor JKR tetapi belum diangkat permohonan untuk pelaksanaan projek daif. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Rajah 5**.



Sumber: Data Permohonan dan Kelulusan Kementerian Ekonomi serta Data Sub Modul Infrastruktur EMIS KPM

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen di KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) serta sekolah di negeri Kedah, Perak, Sabah dan Sarawak. Semakan juga dibuat di agensi pelaksana yang dilantik iaitu JKR Malaysia, JKR Sabah dan JKR Sarawak serta Kementerian Ekonomi iaitu agensi pusat yang meluluskan pelaksanaan projek daif. Analisis Audit juga dilaksanakan terhadap data Sub Modul Infrastruktur EMIS. Selain itu, temu bual dan perbincangan bersama pegawai yang terlibat serta lawatan fizikal ke sekolah turut dijalankan.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan November 2022 hingga bulan Februari 2023. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 7 Julai 2023. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

5.1. Prestasi Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif

5.1.1. Pencapaian Output

5.1.1.1. Status Permohonan Projek Daif

- a. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia melalui surat bertarikh 19 November 2020, mengarahkan semua maklumat keadaan bangunan/kemudahan di sekolah dimasukkan dalam Sub Modul Infrastruktur EMIS bagi pengurusan projek daif. Sub Modul Infrastruktur EMIS menyediakan data yang komprehensif, tepat dan terkini bagi tujuan perancangan penyenggaraan dan pembangunan sekolah KPM.
- b. Berdasarkan data Sub Modul Infrastruktur EMIS dan rekod di KPM, sehingga 31 Disember 2022 sebanyak 1,505 sekolah dikenal pasti mempunyai bangunan daif. Analisis Audit telah dijalankan terhadap data permohonan dan kelulusan projek daif bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 yang diperoleh daripada Kementerian Ekonomi. Analisis Audit mendapati **sebanyak 411 (27.3%) daripada 1,505 sekolah telah diangkat permohonan projek daif oleh KPM kepada Kementerian Ekonomi. Sebanyak 398 (96.8%) sekolah telah diluluskan projek daif, manakala 13 (3.2%) permohonan pula tidak diluluskan disebabkan peruntukan yang terhad.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Rajah 6.**

RAJAH 6
STATUS PERMOHONAN DAN KELULUSAN PROJEK DAIF
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2022

SEKOLAH	2019	2020	2021	2022
 1,505 Sekolah dikenal pasti	107	634	250	514
 411 (27.3%) Permojonan	107	142	105	57
 398 (96.8%) Diluluskan	107	138	105	48
 13 (3.2%) Tidak lulus	0	4	0	9

Sumber: Data Permohonan dan Kelulusan Kementerian Ekonomi serta Data Sub Modul Infrastruktur EMIS

- c. Analisis Audit selanjutnya terhadap 398 sekolah yang diluluskan projek daif mendapati sebanyak 386 (97%) sekolah dilaksanakan di bawah projek daif, manakala sebanyak 12 (3%) sekolah dilaksanakan di bawah program berikut:
 - i. Lima sekolah di Sarawak dan satu sekolah di Sabah diluluskan di bawah butiran perolehan tanah kerana tanah tapak sekolah tidak selamat/tidak sesuai untuk pelaksanaan pembangunan. Pelaksanaan projek daif di sekolah tersebut akan dibuat setelah perolehan tanah selesai.
 - ii. Empat sekolah dilaksanakan kerja baik pulih di bawah program penyenggaraan kerana bangunan/kemudahan di sekolah tidak berada pada tahap daif melibatkan masing-masing dua sekolah di Pahang dan Johor. Setakat 31 Disember 2022, kerja baik pulih di empat sekolah telah dilaksanakan.
 - iii. Dua sekolah di Selangor diluluskan perubahan butiran *Notice of Change* (NOC) daripada projek daif kepada projek naik taraf melibatkan pembinaan bangunan tambahan. Setakat 31 Disember 2022 kerja pembinaan di satu sekolah telah disiapkan pada 8 Jun 2022 manakala baki satu sekolah dijadualkan siap pada 17 September 2023.
- d. Analisis Audit juga mendapati **permohonan projek daif bagi baki 1,094 (72.7%) sekolah masih belum diangkat kepada Kementerian Ekonomi sehingga 31 Disember 2022.**

- e. Butiran lanjut mengenai permohonan dan kelulusan projek daif bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PERMOHONAN DAN KELULUSAN PROJEK DAIF TAHUN 2019 HINGGA 2022

TAHUN	SEKOLAH MEMPUNYAI BANGUNAN DAIF			PERMOHONAN (Bil. Sekolah)	KELULUSAN		TIDAK LULUS (Bil. Sekolah)	PEROLEHAN TANAH/ PENYENGARAAN/ NAIK TARAF (Bil. Sekolah)	SEKOLAH BELUM DIANGKAT UNTUK LAKSANA PROJEK DAIF
	BERDASARKAN ADUAN SEKOLAH	BERDASARKAN EMIS	JUMLAH		BIL. SEKOLAH	%			
	(a)	(b)							(a) – (b)
2019	107	-	107	107	107	100	-	9	-
2020	634	-	634	142	138	97.2	4	2	492
2021	-	250	250	105	105	100	-	-	145
2022	-	514	514	57	48	84.2	9	1	457
JUMLAH	741	764	1,505	411	398	96.8	13	12	1,094

Sumber: Analisis Audit Terhadap Data Permohonan dan Kelulusan, Senarai Sekolah Daif pada Bulan Jun 2020 yang dikemukakan pada Bulan Disember 2020 dan Data Sub Modul Infrastruktur EMIS bagi Tahun 2021 dan 2022

Maklum balas KPM yang diterima pada 21 Jun 2023

Status 13 sekolah yang tidak diluluskan projek daif:

- Sembilan sekolah telah diluluskan projek daif pada tahun 2023;
- KPM telah memohon pelaksanaan projek daif bagi dua sekolah pada tahun 2024 dan 2025;
- Satu sekolah pula dalam proses pemutihan tanah; dan
- Satu sekolah di Sarawak telah menerima peruntukan untuk kerja baik pulih di bawah peruntukan lain.

5.1.1.2. Prestasi Fizikal Projek Daif

- a. Berdasarkan norma kerja Seksyen Pemantauan Khas, Bahagian Pembangunan KPM, proses pra bina mengambil masa antara 12 hingga 14 bulan selepas kelulusan projek oleh Kementerian Ekonomi. Proses ini meliputi pelantikan perunding, penyediaan reka bentuk, kelulusan berkaitan pembinaan oleh agensi/ Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pelantikan kontraktor. Mengikut dokumen kontrak, klausa 2.0, tempoh pembinaan adalah antara lima hingga 41 bulan. Secara keseluruhan, projek daif mengambil masa antara 17 hingga 55 bulan untuk disiapkan.

- b. Analisis Audit terhadap rekod KPM untuk pelaksanaan projek daif di 386 sekolah bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 mendapat **123 (31.9%) daripadanya telah siap. Sebanyak 263 (68.1%) sekolah pula masih dalam peringkat pelaksanaan meliputi 93 sekolah di peringkat pembinaan dan 170 sekolah di peringkat pra bina.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.**

JADUAL 2
STATUS PELAKSANAAN PROJEK DAIF SEHINGGA 31 DISEMBER 2022


STATUS/ TAHUN	BIL. SEKOLAH															BIL. %	
	SARAWAK					SABAH					SEMPENANJUNG						
	2019	2020	2021	2022	JUMLAH	2019	2020	2021	2022	JUMLAH	2019	2020	2021	2022	JUMLAH		
Siap	49	1	-	-	50	23	33	-	-	56	8	9	-	-	17	123 31.9	
Pembinaan	25	31	1	-	57	1	17	14	-	32	-	3	1	-	4	93 24.1	
Pra Bina	1	20	58	9	88	-	15	16	13	44	-	4	14	20	38	170 44.0	
JUMLAH	75	52	59	9	195	24	65	30	13	132	8	16	15	20	59	386	-

Sumber: Rekod Pelaksanaan Projek oleh KPM

5.1.1.3. Status Pencapaian Projek Daif

Semakan Audit telah dibuat terhadap 128 sampel sekolah yang dipilih di negeri Kedah, Perak, Sabah dan Sarawak yang diluluskan projek daif oleh Kementerian Ekonomi bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022. Analisis Audit terhadap 128 sekolah yang dilaksanakan projek daif dengan kos projek berjumlah RM1.332 bilion mendapat 23 (18%) sekolah telah siap, 60 (46.9%) sekolah di peringkat pembinaan dan 45 (35.1%) sekolah masih di peringkat pra bina. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Rajah 7.**

RAJAH 7
PENCAPAIAN FIZIKAL 128 SEKOLAH YANG DILAKUKAN
PROJEK DAIF SETAKAT 31 DISEMBER 2022



Sumber: Data Permohonan dan Kelulusan Kementerian Ekonomi serta Data Sub Modul Infrastruktur EMIS KPM

Berdasarkan Rekod Projek Daif daripada Bahagian Pembangunan, KPM setakat 31 Disember 2022 pelaksanaan projek daif adalah seperti berikut:

a. Projek Siap

- Sebanyak 19 daripada 23 sekolah telah disiapkan mengikut jadual manakala empat sekolah melibatkan **dua sekolah di Sarawak serta masing-masing satu di Sabah dan Kedah siap melebihi jadual antara tujuh hingga 125 hari.**
- Semakan Audit mendapati projek daif di empat sekolah yang lewat siap telah dikenakan denda *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) berjumlah RM94,924. LAD ini meliputi RM46,469 yang dikenakan kepada kontraktor bagi projek daif di SK Sg. Siong, RM35,750 bagi SK Melugu, RM9,317 bagi SK Ayer Puteh dan RM3,388 bagi SK Pengalat Besar.

b. Projek dalam Peringkat Pelaksanaan

Sebanyak 105 sekolah masih dalam peringkat pelaksanaan projek daif meliputi 60 sekolah di peringkat pembinaan manakala 45 sekolah di peringkat pra bina. Analisis Audit mendapati sehingga 31 Disember 2022:

i. Peringkat Pembinaan

- Sebanyak 20 (33.3%) daripada 60 sekolah masih dalam tempoh siap asal.
- Sebanyak 40 (66.7%) daripada 60 sekolah pula telah melebihi tempoh siap asal antara **lima hingga 506 hari (16 bulan 18 hari)**. Analisis Audit mendapati 34 (85%) daripada 40 sekolah tersebut telah diluluskan EOT manakala tiada rekod menunjukkan EOT telah diluluskan bagi enam sekolah. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
STATUS PELAKSANAAN PROJEK DAIF DI PERINGKAT PEMBINAAN
SETAKAT 31 DISEMBER 2022

NEGERI	BIL. SEKOLAH	STATUS PELAKSANAAN PROJEK DAIF			
		DALAM TEMPOH SIAP ASAL (20 Sekolah)	MELEBIHI TEMPOH (40 SEKOLAH)		
			DENGAN EOT (34 Sekolah)	TANPA EOT (6 Sekolah)	
		BIL.	BIL.	LEWAT (Hari)	BIL.
Kelulusan Tahun 2019					
Sabah	1	-	1	506	-
Sarawak	11	1	10	47 - 393	-
JUMLAH	12	1	11	-	-
Kelulusan Tahun 2020					
Sabah	16	7	3	166-402	6
Sarawak	23	6	17	5-362	-
Kedah	2	-	2	276	-
Perak	1	-	1	73	-
JUMLAH	42	13	23	-	6
Kelulusan Tahun 2021					
Sabah	6	6	-	-	-
JUMLAH	6	6	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN	60	20	34	-	6

Sumber: Rekod Projek Daif daripada Bahagian Pembangunan, KPM Sehingga 31 Disember 2022

- Analisis Audit selanjutnya terhadap 34 sekolah yang diluluskan EOT antara dua hingga 505 hari (16 bulan 17 hari) mendapati 17 daripadanya telah melebihi tempoh EOT yang diluluskan. Semakan Audit juga mendapati pembinaan 17 sekolah tersebut sepatutnya disiapkan pada tahun 2022. Selain itu, bagi enam sekolah yang tiada rekod menunjukkan EOT telah diluluskan, dua sekolah sepatutnya disiapkan pada tahun 2021 dan empat sekolah pada tahun 2022.

Bagaimanapun sehingga 31 Disember 2022, peratus

kemajuan kerja bagi 23 sekolah yang sepatutnya telah siap adalah hanya pada kadar 20.4% hingga 99%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4.**

JADUAL 4
PROJEK DAIF YANG MENGALAMI KELEWATAN KEMAJUAN KERJA
SETAKAT 31 DISEMBER 2022

BIL.	SEKOLAH	TAHUN PROJEK LULUS	TARIKH MULA ASAL	TARIKH SIAP ASAL	TEMPOH (Bulan)	TARIKH SIAP SELEPAS EOT	JADUAL (%)	SEBENAR (%)	LEWAT (%)	TEMPOH EOT LULUS
1.0	Lewat Dengan EOT									
Negeri Sarawak										
1.1.	SK Haji Junid	2019	10.07.2020	09.01.2022	18	25.05.2022	100	96.8	3.2	136
1.2.	SK Sambir	2019	10.07.2020	09.01.2022	18	25.03.2022	100	98.9	1.1	75
1.3.	SK Empila	2019	16.08.2021	15.08.2022	12	02.10.2022	100	69.2	30.8	48
1.4.	SK Lemur/Remun	2019	04.06.2020	03.12.2021	18	15.09.2022	100	99.0	1.0	286
1.5.	SK Batang Ai	2020	27.10.2021	26.04.2022	6	15.07.2022	100	62.3	37.7	80
1.6.	SK Batu 36	2020	27.10.2021	26.04.2022	6	23.12.2022	100	98.6	1.4	241
1.7.	SK Tanjung Pisang Selangking	2020	27.10.2021	26.12.2022	14	30.12.2022	100	25.8	74.2	4
1.8.	SK Kem Skrang	2020	27.10.2021	26.04.2022	6	15.07.2022	100	60.1	39.9	80
1.9.	SK Nanga Entaih	2020	22.09.2021	21.11.2022	14	25.11.2022	100	60.3	39.7	4
1.10.	SK Sejjigag	2020	04.08.2021	03.01.2022	5	01.09.2022	100	70.0	30.0	241
1.11.	SK Terasi	2020	27.10.2021	26.06.2022	8	28.06.2022	100	61.6	38.4	2
1.12.	SK Beliong	2020	27.10.2021	26.06.2022	8	29.06.2022	100	20.4	79.6	3
Negeri Sabah										
1.13.	SK Ulu Lumagar	2019	13.08.2020	12.08.2021	12	30.12.2022	100	96.3	3.7	505
1.14.	SK Kerokot	2020	19.07.2021	18.01.2022	6	30.04.2022	100	99.0	1.0	102
1.15.	SK Popok	2020	25.03.2021	24.11.2021	8	25.05.2022	100	91.7	8.3	182
1.16.	SK Jambongan	2020	19.07.2021	18.07.2022	12	17.09.2022	100	95.0	5.0	61
Negeri Kedah										
1.17.	SK Syed Ibrahim	2020	30.09.2021	30.03.2022	6	30.11.2022	100	85.5	14.5	245
2.0	Lewat Tanpa EOT									
Negeri Sabah										
2.1.	SK Kipaku	2020	10.05.2021	30.11.2021	7	-	100	98.0	2.0	-
2.2.	SK Saguon	2020	19.07.2021	18.03.2022	8	-	100	79.3	20.7	-
2.3.	SK Tanjung Paras	2020	19.07.2021	18.03.2022	8	-	100	90.5	9.5	-
2.4.	SK Sungoi	2020	16.09.2021	15.05.2022	8	-	100	32.2	67.8	-
2.5.	SK Telaga	2020	25.03.2021	31.10.2021	7	-	100	74.8	25.2	-
2.6.	SK Mangkapon	2020	29.11.2021	14.06.2022	7	-	100	28.0	72.0	-

Sumber: Rekod Projek Daif daripada Bahagian Pembangunan, KPM Setakat 31 Disember 2022

ii. Peringkat Pra Bina

Setakat 31 Disember 2022 sebanyak **42 daripada 45 sekolah yang telah melebihi tempoh pra bina 14 bulan masih belum dibuat pelantikan kontraktor.** Proses pra bina bagi **18 sekolah yang diluluskan pada tahun 2020 masih belum dimuktamadkan dengan kelewatan antara 16 hingga 22 bulan.** Sebanyak **24 sekolah yang diluluskan projek daif pada tahun 2021 pula lewat antara lima hingga 10 bulan.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5.**

JADUAL 5
TEMPOH KELEWATAN PELANTIKAN KONTRAKTOR BAGI PROJEK DI PERINGKAT PRA BINA SETAKAT 31 DISEMBER 2022

TAHUN PROJEK DILULUSKAN	PELANTIKAN KONTRAKTOR BELUM DIBUAT		
	BIL. SEKOLAH	BULAN AKHIR PELANTIKAN SEPATUTNYA DIBUAT (Dalam Tempoh 14 Bulan Selepas Kelulusan Projek)	KELEWATAN (Bulan)
2020	15	Februari 2021	22
	2	Julai 2021	17
	1	Ogos 2021	16
2021	14	Februari 2022	10
	10	Julai 2022	5
JUMLAH	42		

Sumber: Rekod Sekolah yang Mempunyai Bangunan Daif daripada Bahagian Pembangunan, KPM Sehingga 31 Disember 2022

iii. Kelewatan pelaksanaan projek daif antaranya disebabkan perkara berikut:

- **Perubahan Butiran (NOC)**

KPM perlu mengemukakan permohonan NOC kerana berlaku perubahan pada butiran projek daif meliputi skop dan kos kerja selepas projek diluluskan oleh Kementerian Ekonomi yang mana keperluan ini tidak dikenal pasti semasa penyediaan brif projek. Keperluan ini hanya dikenal pasti semasa peringkat pra bina iaitu semasa penyediaan reka bentuk. Secara keseluruhan, proses permohonan NOC daripada JPN/JKR kepada KPM dan seterusnya KPM kepada Kementerian Ekonomi mengambil masa antara 179 hingga 774 hari daripada tarikh kelulusan projek. Kementerian Ekonomi pula mengambil masa antara sepuluh hingga 132 hari untuk meluluskan permohonan NOC tersebut. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6.**

JADUAL 6
TEMPOH KELULUSAN NOTICE OF CHANGE SELEPAS PROJEK DAIF DILULUSKAN

BIL.	SEKOLAH	TARIKH LULUS PROJEK (a)	PERIHAL NOC	JUMLAH NOC (RM Juta)	TARIKH JPN/JKR MOHON NOC KE KPM	TARIKH KPM MOHON (b)	TARIKH LULUS NOC (c)	TEMPOH MOHON NOC* (Hari) (b) - (a)	TEMPOH LULUS NOC** (Hari) (c) - (b)
1.	SK Gayang, Sabah	02.01.2021	Pertambahan skop blok pra sekolah, kantin, ruang serbaguna terbuka, surau dan 2 unit rumah guru	Tiada kos	02.09.2021	16.11.2021	04.02.2022	318	80
2.	SK Buit Hill, Sabah	02.01.2021	Pengurangan skop 6 bilik darjah (kenaikan kos bahan binaan)	1.46	29.12.2021	15.02.2022	18.03.2022	409	31
3.	SK Pekan Kimanis, Sabah	02.01.2021	Pertambahan skop 1 bilik sains dan pengurangan skop dewan terbuka	Tiada kos	27.10.2021	13.12.2021	23.12.2021	345	10
4.	SMK Sukau, Sabah	02.01.2021	Pertambahan skop Bengkel/makmal, kantin, surau, dewan makan dan 1 unit kuarters kelas E. Pengurangan 8 bilik darjah dan 10 unit kuarters F	11.36	Tiada Maklumat	30.06.2021	09.11.2021	179	132
			Pindaan tajuk kerana skop yang diluluskan termasuk kerja meroboh tetapi projek yang dilaksanakan tidak melibatkan kerja meroboh	Tiada kos	Tiada Maklumat	05.12.2022	16.12.2022	702	11
			Makmal <i>Value Engineering</i> (VE) sebelum pelaksanaan projek tidak mengambil kira keperluan sebenar di tapak	7.48	Tiada Maklumat	15.02.2023	24.03.2023	774	37
5.	SK Seri Ampang Muda, Kedah	02.01.2022	Tambahan skop meroboh surau sedia ada untuk pembinaan bilik darjah dan membina surau baharu. Pengurangan skop pondok pengawal	1.03	03.01.2023	31.01.2023	04.04.2023	394	63

Sumber: Rekod Projek Daif di JKR Malaysia

Nota: (*) - Tempoh Permohonan NOC di Peringkat KPM dikira dari Tempoh Kelulusan Projek

(**) - Tempoh Kelulusan NOC oleh Kementerian Ekonomi dikira Daripada Tarikh Permohonan NOC oleh KPM

- Kelulusan Meroboh Bangunan Daif**

- Pembinaan bangunan gantian hanya boleh dilaksanakan selepas bangunan daif dirobohkan. Ini kerana pembinaan tersebut dibuat di atas tapak sedia ada selepas kerja meroboh bangunan daif dilaksanakan.
- Mengikut proses kerja di KPM, permohonan kelulusan meroboh bangunan kepada Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) adalah selama 174 hari daripada tarikh kelulusan projek. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2022, permohonan meroboh bangunan daif bagi 22 sekolah di Sabah yang dalam peringkat prabina masih belum dikemukakan oleh KPM kepada KPKR. Kesemua 22 sekolah ini telah diluluskan projek daif oleh Kementerian Ekonomi dalam tempoh antara 729 hingga 1,094 hari (35 bulan 29 hari). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PERMOHONAN MEROBOH BANGUNAN SEKOLAH PROJEK DAIF DI PERINGKAT PRA BINA YANG BELUM DIKEMUKAKAN KEPADA KPKR SETAKAT 31 DISEMBER 2022

BIL.	SEKOLAH	TARIKH LULUS PROJEK DAIF	TEMPOH SELEPAS KELULUSAN PROJEK DAIF (Hari)
1.	SK Malubang, Pitas		
2.	SK Tempurong, Kuala Penyu		
3.	SK Ulu Ansuan, Telupid		
4.	SK Monsuk Tengah, Tambunan		
5.	SK Nukakatan, Tambunan		
6.	SK Kelatuan, Papar		
7.	SK Binsulok, Beaufort		
8.	SMKA Kimanis, Papar	02.01.2020	1,094
9.	SK Kibubuk/Sahabat Satu, Pitas		
10.	SMK Nabawan, Nabawan		
11.	SK Kawiyan, Ranau		
12.	SK Bentuka, Beaufort		
13.	SK Kebayau Telipok, Kota Kinabalu		
14.	SK Bubul, Semporna		
15.	SK Mandurian, Pitas		
16.	SK Pulau Mantanani, Kota Belud		
17.	SK Pomotodon, Inanam		
18.	SMK Pitas, Pitas		
19.	SK Gayang, Tuaran	01.01.2021	729
20.	SK Kelawat, Kota Belud		
21.	SK Pekan Ranau, Ranau		
22.	SK Melikai, Kuala Penyu		

Sumber: Jabatan Pendidikan Negeri Sabah

- Semakan Audit terhadap enam sekolah di peringkat pembinaan yang telah mendapat kelulusan meroboh pula mendapati **KPM mengambil masa antara 637 hingga 1,043 hari (34 bulan 8 hari) untuk mengemukakan permohonan meroboh kepada KPKR.** Selanjutnya, KPKR mengambil masa antara 15 hingga 48 hari untuk memberi kelulusan meroboh kepada KPM selepas permohonan diterima. Semakan Audit selanjutnya mendapat kelulusan meroboh bagi enam sekolah tersebut hanya diperoleh selepas tarikh milik tapak menyebabkan pelaksanaan kerja oleh kontraktor lewat dimulakan.
- Semakan Audit selanjutnya mendapati, projek daif di SK Ayer Puteh dan SK Padang Lumat, Kedah telah diluluskan lanjutan masa (EOT) masing-masing selama 30 hari disebabkan kelewatan proses meroboh bangunan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8.**

**JADUAL 8
KELEWATAN PERMOHONAN KEBENARAN MEROBOH OLEH KPM**

BIL.	SEKOLAH	TARIKH PROJEK DILULUS	TARIKH KPM KEMUKA PERMOHONAN MEROBOH KEPADA KPKR*	TARIKH MILIK TAPAK	TARIKH KELULUSAN MEROBOH OLEH KPKR**	TEMPOH PERMOHONAN/ KELULUSAN (Hari)	
			(a)		(b)	(c)	(a) – (b)
1.0. Negeri Kedah							
1.1.	SK Syed Ibrahim	02.01.2020	30.09.2021	30.09.2021	12.11.2021	637	43
1.2.	SK Ayer Puteh			14.10.2021	17.11.2021		48
1.3.	SK Padang Lumat			30.09.2021	12.11.2021		43
2.0. Negeri Sabah							
2.1.	SK Pekan Lahad Datu	02.01.2020	11.05.2022	05.04.2022	27.05.2022	860	16
2.2.	SK Tibabar		18.10.2022	13.05.2022	02.11.2022	1,020	15
2.3.	SK Tagasan		10.11.2022	12.08.2022	02.12.2022	1,043	22

Sumber: (*) - Rekod Permohonan Meroboh di KPM

(**) - Dokumen Kelulusan Kebenaran Meroboh oleh KPKR

- Selain itu, lawatan fizikal Audit di enam sekolah yang telah dilaksanakan kerja pembinaan bangunan baharu di atas tapak bangunan daif mendapat **kerja meroboh bangunan daif telah dilaksanakan. Bagaimanapun, permohonan kelulusan meroboh bangunan tersebut masih belum dikemukakan oleh KPM kepada KPKR.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9.**

JADUAL 9
BANGUNAN DAIF TELAH DIROBOHKAN SEBELUM MENDAPAT
KELULUSAN DARIPADA KPKR

BIL.	SEKOLAH	TARIKH PROJEK DILULUS	TARIKH MILIK TAPAK	PERATUS KEMAJUAN KERJA DI TAPAK (Setakat 31.12.2022) (%)
1.	SK Ng. Tada, Sarawak	18.09.2019	13.02.2020	69.2
2.	SK Hj. Junid, Sarawak	18.09.2019	10.07.2020	96.8
3.	SK Tanjung Pisang, Sarawak	01.06.2020	27.10.2022	25.8
4.	SK Kipaku, Sabah	02.01.2020	10.05.2021	98.0
5.	SK Buit Hill, Sabah	01.01.2021	27.12.2022	0.0
6.	SK Bagan Serai, Perak	02.01.2020	25.08.2021	69.0

Sumber: Rekod Permohonan dan Kelulusan Meroboh Bangunan Daif daripada Bahagian Pembangunan, KPM

• **Perubahan Kerja**

- **Setakat 31 Disember 2022, sebanyak 19 sekolah telah diluluskan antara satu hingga enam Arahan Perubahan Kerja (APK).** Perubahan kerja ini melibatkan pertambahan/perubahan skop kerja bagi memastikan bangunan yang dibina dapat berfungsi dengan baik, selamat dan kondusif. Bagaimanapun, keperluan ini hanya dikenal pasti semasa peringkat pembinaan.
- Perubahan kerja ini telah menjaskankan tempoh masa pelaksanaan projek daif dan juga menyebabkan kos projek meningkat antara RM0.01 juta hingga RM0.51 juta. Setakat 31 Disember 2022, **projek daif di tujuh sekolah iaitu SK Ayer Puteh dan SK Syed Ibrahim di Kedah serta SK Kerokot, SK Jambongan, SK Saguon, SK Tansau dan SK Telaga di Sabah telah diluluskan EOT antara 22 dan 539 hari.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10.**

JADUAL 10
KELULUSAN PERUBAHAN KERJA SETAKAT 31 DISEMBER 2022

BIL.	PROJEK	KOS KONTRAK ASAL (RM Juta)	ARAHAN PERUBAHAN KERJA (APK)		KOS PROJEK MUKTAMAD/ TERKINI	PERATUS [PENINGKATAN/ (PENGURANGAN)] (%)	STATUS KELULUSAN EOT (Hari)
			BIL. APK	RM JUTA			
1.0.	Negeri Kedah						
1.1.	SK Ayer Puteh	0.94	6	0.04	0.98	4.3	66
1.2.	SK Syed Ibrahim	1.45	2	0.04	1.49	2.8	22
2.0.	Negeri Sabah						
2.1.	SK Jambongan	8.75	2	0.34	9.09	3.9	183

BIL.	PROJEK	KOS KONTRAK ASAL (RM Juta)	ARAHAN PERUBAHAN KERJA (APK)		KOS PROJEK MUKTAMAD/ TERKINI	PERATUS [PENINGKATAN/ (PENGURANGAN)] (%)	STATUS KELULUSAN EOT (Hari)
			BIL. APK	RM JUTA			
2.2.	SK Kinabutan Besar	5.99	2	0.14	6.13	2.3	-*
2.3.	SK Pengalat Besar	7.27	1	0.51	7.78	7.0	-*
2.4.	SK Kerokot	6.29	1	0.44	6.73	7.0	280
2.5.	SK Saguon	6.79	1	0.26	7.05	3.8	383
2.6.	SK Tansau	1.70	2	0.06	1.76	3.5	441
2.7.	SK Telaga	6.04	1	0.24	6.28	4.0	539
3.0.	Negeri Sarawak						
3.1.	SK Nanga Klassen	22.37	3	0.01	22.38	0.04	-*
3.2.	SK Orang Kaya Temenggong Tanduk						-*
3.3.	SK Nanga Tada	12.30	1	0.28	12.58	2.3	-*
3.4.	SK Sg Siong	2.47	1	0.01	2.48	0.4	-*
3.5.	SK Haji Junid	5.80	1	0.02	5.82	0.3	-*
3.6.	SK Nanga Meluan	23.88	1	0.35	24.23	1.5	-*
3.7.	SK Nanga Kesit	6.19	1	0.11	6.30	1.8	-*
3.8.	SK Penghulu Imban	22.01	2	0.17	22.18	0.8	-*
3.9.	SK Bt 36						
3.10.	SK Sangan Iban						

Sumber: Dokumen Kontrak, APK dan Laman Sesawang KPM

Nota: (*) - Sehingga 31 Disember 2022, Tiada Bukti Menunjukkan Projek Daif di 12 Sekolah Diluluskan EOT

• Perubahan Lokasi Tapak Pembinaan

- Berlaku perubahan lokasi bangunan baharu di empat sekolah, iaitu **SK Kem Skrang, SK Batang Ai dan SK Paku Central di Sarawak serta SK Sungoi di Sabah**. Perubahan lokasi ini disebabkan tapak asal bangunan baharu tidak sesuai, keperluan untuk memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa atau permohonan di peringkat sekolah.
- Perubahan lokasi tapak pembinaan ini menyebabkan **projek daif di kesemua empat sekolah telah diluluskan EOT selama 80 hingga 776 hari**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
PERUBAHAN LOKASI TAPAK BANGUNAN BAHRU

BIL.	SEKOLAH	KOS PROJEK (RM Juta)	TEMPOH KONTRAK	PERUBAHAN TAPAK
1.	SK Kem Skrang, Sarawak	3.37	27.10.2021 – 26.04.2022 (6 bulan)	• Pihak sekolah tidak bersetuju dengan cadangan tapak lapan kquarters guru yang baharu di atas padang sekolah. KPM pada 23 November 2021 telah bersetuju terhadap permohonan sekolah bagi memindahkan ke lokasi yang lebih bersesuaian tanpa peningkatan kos.

BIL.	SEKOLAH	KOS PROJEK (RM Juta)	TEMPOH KONTRAK	PERUBAHAN TAPAK
				<ul style="list-style-type: none"> Perubahan tapak telah menyebabkan projek lewat dimulakan dan setakat 31 Disember 2022, peratus penyiapan projek adalah pada kadar 70.3%. EOT selama 80 hari telah diluluskan sehingga 15 Julai 2022.
2.	SK Batang Ai, Sarawak	4.63	27.10.2021 – 26.04.2022 (6 bulan)	<ul style="list-style-type: none"> Tapak asal bangunan baharu tidak memenuhi syarat <i>setback</i> yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat. Setakat 31 Disember 2022, peratus penyiapan projek adalah pada kadar 68.2% bagi SK Batang Ai dan 50.2% bagi SK Paku Central. EOT selama 80 hari telah diluluskan sehingga 15 Julai 2022 bagi SK Batang Ai dan 16 Mac 2023 bagi SK Paku Central.
3.	SK Paku Central, Sarawak	4.75	27.10.2021 – 26.12.2022 (14 bulan)	
4.	SK Sungoi, Sabah	3.62	25.01.2021 – 15.05.2022 (16 bulan)	<ul style="list-style-type: none"> Pertukaran reka bentuk bangunan kepada dua tingkat selepas tiga bulan projek bermula kerana keadaan geografi lokasi baharu dalam kawasan sekolah yang berbahaya (terlalu curam) dan keluasan kawasan pembinaan yang terhad. Setakat 31 Disember 2022, peratus penyiapan projek adalah pada kadar 32.5%. EOT selama 776 hari telah diluluskan sehingga 1 November 2023.

Sumber: Dokumen Permohonan EOT oleh Kontraktor

• Kelewatan Pelaksanaan Kerja

Setakat 31 Disember 2022, **kemajuan kerja di tapak bagi projek daif di 37 sekolah telah lewat antara 0.4% hingga 79.6% berbanding jadual yang ditetapkan dalam program kerja (Critical Path Method).** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 12.**

JADUAL 12
PROJEK DAIF YANG MENGALAMI KELEWATAN KEMAJUAN KERJA

BIL.	SEKOLAH	TAHUN PROJEK LULUS	TARIKH MULA ASAL	TARIKH SIAP ASAL	TEMPOH (Bulan)	TARIKH SIAP SELEPAS EOT	JADUAL (%)	SEBENAR (%)	LEWAT (%)
1.0	Negeri Kedah								
1.1.	SK Syed Ibrahim	2020	30.09.2021	30.03.2022	6	30.11.2022	100	85.5	14.5
1.2.	SK Padang Lumat	2020	30.09.2021	30.03.2022	6	22.06.2023	38.0	33.0	5.0
2.0	Negeri Sabah								
2.1.	SK Kaingaran	2021	17.09.2022	30.06.2023	10	-	3.0	2.6	0.4
2.2.	SK Sikuati Kudat	2021	17.09.2022	05.02.2023	5	14.12.2023	0.5	0.1	0.4
2.3.	SK Tanjung Aru	2021	17.09.2022	14.12.2023	15	-	2.6	1.0	1.6
2.4.	SK Lumat	2021	17.09.2022	11.09.2023	12	-	2.8	2.2	0.6
2.5.	SK Ulu Lumagar	2019	13.08.2020	12.08.2021	12	30.12.2022	100	96.3	3.7
2.6.	SK Kerokot	2020	19.07.2021	18.01.2022	6	30.04.2022	100	99.0	1.0
2.7.	SK Popok	2020	25.03.2021	24.11.2021	8	25.05.2022	100	91.8	8.3
2.8.	SK Jambongan	2020	19.07.2021	18.07.2022	12	17.09.2022	100	95.0	5.0
2.9.	SK Kipaku	2020	10.05.2021	30.11.2021	7	-	100	98.0	2.0

BIL.	SEKOLAH	TAHUN PROJEK LULUS	TARIKH MULA ASAL	TARIKH SIAP ASAL	TEMPOH (Bulan)	TARIKH SIAP SELEPAS EOT	JADUAL (%)	SEBENAR (%)	LEWAT (%)
2.10.	SK Saguon	2020	19.07.2021	18.03.2022	8	-	100	79.3	20.7
2.11.	SK Tanjung Paras	2020	19.07.2021	18.03.2022	8	-	100	90.5	9.5
2.12.	SK Sungoi	2020	16.09.2021	15.05.2022	8	-	100	60.2	39.8
2.13.	SK Telaga	2020	25.03.2021	31.10.2021	7	-	100	74.8	25.2
2.14.	SK Mangkapon	2020	29.11.2021	14.06.2022	7	-	39.0	28.0	11.0
3.0. Negeri Sarawak									
3.1.	SK Nanga Meluan	2019	27.01.2021	26.01.2023	24	15.04.2023	74.3	69.7	4.6
3.2.	SK Nanga Kesit	2019	10.07.2020	09.01.2022	18	07.01.2023	96.0	88.0	8.0
3.3.	SK Nanga Tada	2019	13.03.2020	12.03.2022	24	30.04.2023	74.3	69.7	4.6
3.4.	SK Ng.Serau	2020	22.09.2021	21.11.2022	14	01.05.2023	73.2	67.9	5.3
3.5.	SK Paku Central	2020	27.10.2021	26.12.2022	14	16.03.2023	86.6	43.3	43.3
3.6.	SK Ng Jagoi	2020	27.10.2021	26.06.2022	8	01.01.2023	100	90.2	9.8
3.7.	SK Nanga Pedai	2020	27.10.2021	26.06.2022	8	01.01.2023	100	90.2	9.8
3.8.	SK Sangan Iban	2020	27.10.2021	26.12.2022	14	23.02.2023	81.0	74.4	6.6
3.9.	SK Haji Junid	2019	10.07.2020	09.01.2022	18	25.05.2022	100	96.7	3.3
3.10.	SK SK Sambir	2019	10.07.2020	09.01.2022	18	25.03.2022	100	98.9	1.1
3.11.	SK Empila	2019	16.08.2021	15.08.2022	12	02.10.2022	100	69.2	30.8
3.12.	SK Lemur/Remun	2019	04.06.2020	03.12.2021	18	15.09.2022	100	99.0	1.0
3.13.	SK Batang Ai	2020	27.10.2021	26.04.2022	6	15.07.2022	100	62.3	37.7
3.14.	SK Batu 36	2020	27.10.2021	26.04.2022	6	23.12.2022	100	98.6	1.4
3.15.	SK Tanjung Pisang Selangking	2020	27.10.2021	26.12.2022	14	30.12.2022	100	25.8	74.2
3.16.	SK Kem Skrang	2020	27.10.2021	26.04.2022	6	15.07.2022	100	60.1	39.9
3.17.	SK Nanga Entaih	2020	22.09.2021	21.11.2022	14	25.11.2022	100	60.3	39.7
3.18.	SK Sejijag	2020	04.08.2021	03.01.2022	5	01.09.2022	100	70.0	30.0
3.19.	SK Terasi	2020	27.10.2021	26.06.2022	8	28.06.2022	100	61.6	38.4
3.20.	SK Belieng	2020	27.10.2021	26.06.2022	8	29.06.2022	100	20.4	79.6
3.21.	SMK Balai Ringin	2019	04.06.2020	03.06.2022	24	19.05.2023	79.4	62.5	16.9

Sumber: Laporan Kemajuan Kerja Projek Daif Setakat 31 Disember 2022

Maklum balas KPM yang diterima pada 5 Mei , 21 Jun dan 14 Julai 2023

- Status pelaksanaan projek daif sehingga 21 Jun 2023:
 - Tiga daripada 45 sekolah di peringkat pra bina, iaitu SK Munggu Lallang, SK Kujang Mawang dan SMK Saribas di Sarawak telah dibuat pelantikan kontraktor.
 - Empat daripada 60 sekolah dalam pembinaan, iaitu SK Kiawayan, SK Kipaku dan SK Tanjung Paras di Sabah serta SK Syed Ibrahim, Kedah telah siap.

- Tindakan penambahbaikan bagi mengatasi isu kelewatan pelaksanaan projek adalah seperti berikut:
 - KPM menjalankan Bengkel Penyediaan Skop bagi Projek Daif 2023 pada 6 hingga 9 Mac 2023 bagi mengenal pasti keperluan sebenar serta meminimumkan perubahan skop yang bukan disebabkan faktor teknikal. Selain itu, KPM juga melaksanakan *Value at Entry* bagi projek yang diluluskan mulai tahun 2023.
 - Bagi memastikan urusan semakan dokumen dan permohonan NOC dapat dibuat dalam tempoh yang ditetapkan, Kementerian Ekonomi telah mengeluarkan surat penurunan kuasa terhadap kelulusan NOC berkaitan Perubahan Agensi (D4) dan Agihan Siling (D8) bertarikh 17 Mac 2023. KPM telah mengeluarkan memo berhubung penambahbaikan tatacara permohonan NOC bersama dengan senarai semak terkini pada 20 Mac 2023.
 - Bagi mempercepatkan proses kelulusan meroboh bangunan daif, pelantikan Lembaga Pemeriksa Pelupusan Aset Tak Alih (LPATA) telah dibuat secara dwitahunan dan penyediaan dokumen pelupusan dimulakan sejurus selepas mendapat kelulusan projek. Bengkel memperkasa proses pembangunan sekolah daif yang diadakan pada 13 Jun 2023 dengan kerjasama Malaysian Productivity Corporation (MPC) dan Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas Reformasi Awam (STAR) mencadangkan tempoh proses kerja syor roboh dikurangkan daripada 174 kepada 47 hari. Cadangan ini akan dikemukakan kepada pengurusan tertinggi kerajaan bagi persetujuan bersama.

Maklum balas Kementerian Ekonomi yang diterima pada 5 Mei 2023

Kelewatan memproses NOC disebabkan jumlah permohonan yang tinggi diterima daripada kementerian/agensi. Kementerian Ekonomi juga memerlukan tempoh masa yang lebih lama untuk meneliti permohonan yang dikemukakan secara bersekali berbanding norma biasa yang diperlukan bagi satu projek. Selain itu, terdapat keperluan untuk mendapatkan maklumat tambahan daripada agensi teknikal seperti JKR. Tempoh masa yang lama ini juga disebabkan maklum balas terhadap kuiri oleh Kementerian Ekonomi lewat dikemukakan oleh pihak KPM.

Maklum balas JKR Malaysia yang diterima pada 14 Julai 2023

- Bagi menambahbaik proses kelulusan meroboh bangunan, JKR Malaysia pada 18 Jun 2021 telah mendapatkan punca kuasa daripada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) untuk kebenaran menjalankan tugas-tugas PTP bagi tujuan meroboh dan memusnahkan segala struktur binaan di atas tanah persekutuan. KPKR pada 2 November 2021 telah mengeluarkan arahan supaya semua permohonan kebenaran meroboh struktur binaan kerajaan persekutuan (blok bangunan) yang berkeluasan lantai kurang daripada 3,000m² tidak perlu lagi dibuat kepada KPKR, tetapi hanya di peringkat Pengarah JKR Negeri/JKR Wilayah/JKR Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR).
- Permohonan kelulusan syor roboh bagi SK Padang Lumat dan SK Ayer Puteh di Kedah berlaku semasa transisi tersebut ditambah dengan kekangan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020 hingga 2021. JKR Malaysia akan memastikan kebenaran meroboh bermula pada tahun 2022 diselesaikan dalam tempoh 14 hari (10 hari bekerja) dari tempoh dokumen lengkap diterima oleh JKR.

c. Sekolah Diluluskan Perolehan Tanah dan Penyenggaraan

- i. Berdasarkan rekod kelulusan projek daif, bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 sebanyak 398 sekolah telah diluluskan pelaksanaan projek daif. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati sebanyak 12 sekolah telah dilaksanakan perolehan tanah/penyenggaraan/naik taraf. Enam sekolah diluluskan perolehan tanah kerana tapak sekolah tidak selamat dan tidak sesuai untuk pembangunan semula sekolah. Sebanyak enam sekolah lagi dilaksanakan penyenggaraan/naik taraf kerana bangunan/kemudahan di sekolah tidak berada pada tahap daif.
- ii. Semakan Audit selanjutnya terhadap sampel tiga sekolah yang diluluskan perolehan tanah mendapati:
 - SK Rosob, Sabah diluluskan perolehan tanah kerana saiz tapak sekolah yang kecil untuk pembangunan semula iaitu hanya berukuran 1.8 ekar. Sekolah telah diluluskan tapak baharu oleh Kementerian Ekonomi dalam RMKe-12 RP3 Tahun 2023.
 - SK Plaie D C dan SK Ulu Kabo di Sarawak telah disahkan tidak selamat oleh JKR pada 12 Oktober 2020 dan memerlukan penggantian penuh di tapak baharu. Kementerian Ekonomi pada 2 November 2021 telah meluluskan perolehan tanah tapak baharu. Sehingga 31 Disember 2022, perolehan tanah tersebut masih belum dimuktamadkan.

Lawatan Audit pada 16 Februari 2023 mendapati sekolah masih beroperasi di lokasi sedia ada. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 3**.

GAMBAR 1



- Lokasi Sekolah yang Terlalu Hampir dengan Sungai Batang Lutar Terdedah kepada Risiko Serangan Buaya
(16.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



- Mendapan Berlaku kerana Lokasi Sekolah yang Terlalu Hampir dengan Sungai Batang Lutar
(16.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



- Mendapan dan Kegagalan Cerun Berlaku di Seluruh Kawasan Sekolah Disebabkan Lokasi Sekolah yang Dikelilingi oleh Sungai Kabo Boleh Menjejasakan Keselamatan Sekolah
(16.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas KPM yang diterima pada 5 Mei dan 21 Jun 2023

Pelaksanaan projek daif akan dimohon sebaik sahaja perolehan tanah selesai selaras dengan Garis Panduan Penyediaan RMKe-12 oleh Kementerian Ekonomi untuk memastikan ketersediaan tapak sebelum permohonan projek dibuat. Status tiga sekolah yang dilaksanakan perolehan tanah adalah seperti berikut:

- **SK Rosob, Sabah** - Perolehan tanah tapak baharu telah dimuktamadkan pada 12 September 2022. Projek daif telah diluluskan semula dalam RP3 Tahun 2023 di tapak baharu untuk dilaksanakan oleh JKR Sabah.
- **SK Plaie D C, Sarawak** - Permohonan pertapanan telah dikemukakan kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Negeri Sarawak pada 18 Oktober 2022.

- **SK Ulu Kabo, Sarawak** - KPM sedang menunggu ulasan teknikal daripada Sarawak Energy sebelum dokumen pertapakan bagi tapak baharu dapat dilengkappkan.

Pendapat Audit | **Kelemahan dalam perancangan dan pelaksanaan projek menyebabkan peratus penyiapan projek daif adalah rendah dan berlaku kelewatan dalam pelaksanaan projek. Selain itu, perolehan tanah tapak lokasi baharu SK Pliae D C dan SK Ulu Kabo yang masih belum dimuktamadkan menyebabkan projek daif tidak dapat dilaksanakan dan sesi PdP masih diadakan di bangunan yang disahkan tidak selamat.**

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

5.1.2.1. Mewujudkan Persekutaran PdP yang Selamat dan Kondusif

Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, semua sekolah mencapai sekurang-kurangnya keperluan asas yang penting serta persekitaran yang selamat dan kondusif bagi pelaksanaan PdP. Semakan Audit terhadap 128 sekolah yang dilaksanakan projek daif, ini meliputi 23 sekolah yang telah siap dan 105 sekolah dalam peringkat pelaksanaan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Sekolah Telah Siap Kerja Naik Taraf

- i. Setakat 31 Disember 2022, sebanyak 15 (65.2%) daripada 23 sekolah yang telah siap dilaksanakan projek daif telah diserahkan kepada pihak KPM/sekolah, iaitu antara satu hingga 192 hari selepas projek disiapkan. Semakan Audit terhadap status semasa dalam Sub Modul Infrastruktur EMIS mendapati bangunan baharu di 15 sekolah tersebut adalah berstatus selesa (Skala 1). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
STATUS PENYERAHAN BANGUNAN BAHRU YANG TELAH SIAP KEPADA
KPM/SEKOLAH SETAKAT 31 DISEMBER 2022

BIL.	NAMA SEKOLAH	TARIKH SIAP (CPC)	TARIKH SERAH	TEMPOH PENYERAHAN SELEPAS SIAP (Hari)
1.0.	Negeri Kedah			
1.1.	SK Ayer Puteh Pendang	04.12.2022	05.12.2022	1
1.2.	SK Telok Jamat	21.11.2022	17.12.2022	26
1.3.	SK Kuala Lanjut	23.04.2022	15.06.2022	53
1.4.	SK Nawa	30.03.2022	23.05.2022	54

BIL.	NAMA SEKOLAH	TARIKH SIAP (CPC)	TARIKH SERAH	TEMPOH PENYERAHAN SELEPAS SIAP (Hari)
2.0.	Negeri Sabah			
2.1.	SK Tansau	31.10.2022	24.11.2022	24
2.2.	SK Pengalat Besar	30.09.2022	02.11.2022	33
2.3.	SK Inandung	15.02.2022	25.03.2022	38
2.4.	SK Limau-Limauan	13.05.2022	13.07.2022	61
2.5.	SK Kinabutan Besar	30.12.2021	12.01.2022	13
2.6.	SK Rampazan	26.07.2022	Belum serah	-
2.7.	SK Kiawayan	27.12.2022	Belum serah	-
3.0.	Negeri Sarawak			
3.1.	SK Sg. Siong	30.09.2022	13.12.2022	74
3.2.	SK Menumpang	03.03.2022	23.06.2022	112
3.3.	SK Pendam	12.11.2021	13.03.2022	121
3.4.	SK Sg. Sepiring/Sg. Tepus	24.02.2022	14.07.2022	140
3.5.	SK Adin	26.10.2021	28.04.2022	184
3.6.	SK Bulan Jeragam	16.01.2022	27.07.2022	192
3.7.	SK Tepoi	01.09.2022	Belum serah	-
3.8.	SK Melugu	30.09.2022		-
3.9.	SK Ng. Machan	20.07.2022		-
3.10.	SMK Rosli Dhoby	15.08.2022		-
3.11.	SK Sg. Paoh	24.06.2022		-
3.12.	SK Ng. Gayau	15.03.2022		-

Sumber: Rekod Projek Daif daripada Bahagian Pembangunan, KPM

- ii. Lawatan Audit ke enam sekolah yang telah siap mendapat **bangunan baru di SK Sg. Paoh belum diserahkan oleh JKR Sarawak kepada pihak KPM/sekolah semasa lawatan pada 16 Februari 2023 walaupun Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan pada 24 Jun 2022 iaitu selama lapan bulan.** Semakan Audit selanjutnya mendapat bangunan baru tersebut juga belum dilengkapi dengan perabot seperti kerusi dan meja untuk kegunaan guru dan murid. Pembekalan peralatan dan perabot untuk SK Sg. Paoh adalah di bawah pelaksanaan JPN Sarawak. Kelewatan penyerahan ini telah memberi kesan kepada pelaksanaan PdP yang mana masih lagi dilaksanakan di bangunan lama yang tidak selamat digunakan (Skala 6). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Gambar 4** dan **5**.

GAMBAR 4



SK Sg. Paoh, Sarawak
- Dua Bangunan Meliputi Enam Bilik Darjah Masih Belum Diserah Milik Kepada Pihak Sekolah Walaupun Setelah Lapan Bulan Disediakan
(16.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5



SK Sg. Paoh, Sarawak
- Bangunan Lama Masih Digunakan Walaupun Tidak Selamat kerana Bangunan Baharu Belum Diserah Milik
(16.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

iii. Lawatan Audit di SK Tansau, Sabah pada 2 Februari 2023 mendapati projek daif meliputi pembinaan dua bangunan baharu telah siap pada 1 November 2022 dan diserahkan kepada pihak sekolah. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati perkara seperti berikut:

- Laporan JKR Sabah pada 15 Disember 2015 mengesahkan bangunan kayu tersebut yang menempatkan lima bilik darjah tidak selamat digunakan, manakala bangunan konkrit yang menempatkan enam bilik darjah disyorkan untuk kerja penyenggaraan.
- Skop kerja yang diluluskan oleh Kementerian Ekonomi pada tahun 2020 adalah meroboh bangunan kayu, menyenggara bangunan konkrit dan membina dua bangunan baharu. **Bagaimanapun, skop dalam dokumen kontrak hanya meliputi kerja pembinaan dua bangunan baharu.**
- JKR Sabah pada 10 November 2022 pula telah mengesahkan bangunan konkrit yang sepatutnya disenggara pada tahun 2020 telah tidak selamat digunakan dan diarahkan tutup. Susulan arahan penutupan bangunan konkrit tersebut, **murid telah dipindahkan ke bangunan kayu yang disahkan tidak selamat oleh JKR dan sepatutnya telah dirobohkan.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Gambar 6** dan **Gambar 7**.

GAMBAR 6



SK Tansau, Sabah
- Bangunan Kayu Disahkan Tidak Selamat oleh JKR Masih Digunakan (02.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 7



SK Tansau, Sabah
- Bangunan Konkrit telah dikosongkan kerana *Concrete Spalling* dan Murid Dipindahkan ke Bangunan Kayu yang Sepatutnya Telah Dirobohkan (02.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

b. Sekolah di Peringkat Pelaksanaan Projek Daif

- i. Sebanyak 105 sekolah masih di peringkat pelaksanaan projek daif meliputi 60 sekolah dalam peringkat pembinaan dan 45 sekolah dalam peringkat pra bina. Setakat 31 Disember 2022, pelaksanaan projek daif di 20 sekolah dalam peringkat pembinaan masih dalam tempoh penyiapan asal yang ditetapkan, manakala 40 sekolah telah melebihi tempoh. Selain itu, sebanyak 42 daripada 45 sekolah dalam peringkat pra bina telah melebihi 14 bulan tempoh pra bina yang ditetapkan.
- ii. Lawatan Audit ke 33 sekolah mendapati **tujuh sekolah masih menggunakan bangunan/ruang yang telah disahkan tidak selamat oleh JKR**. Sebanyak 12 bangunan/ruang masih digunakan melibatkan enam bangunan/ruang PdP, satu asrama murid dan lima blok pentadbiran. Semakan Audit selanjutnya mendapati lima sekolah masih dalam peringkat pra bina, manakala dua sekolah dalam peringkat pembinaan dengan kemajuan kerja di tapak antara 69.2% hingga 79.5%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 14** dan **Gambar 8**.

JADUAL 14
PENGGUNAAN BANGUNAN YANG DISAHKAN TIDAK SELAMAT OLEH JKR

BIL.	SEKOLAH	STATUS PROJEK DAIF	TAHUN DILULUS PROJEK DAIF	*BIL. ENROLMEN SEMASA MURID (Tahun 2022)	BANGUNAN/RUANG YANG DISAHKAN TIDAK SELAMAT OLEH JKR	PENEMUAN AUDIT
1.0.	Negeri Sabah					
1.1.	SK Binsulok	Pra Bina	2020	272	Bilik darjah	<ul style="list-style-type: none"> Blok A dan B disahkan tidak selamat oleh JKR sejak 20 Ogos 2020. Pihak sekolah telah mengosongkan Blok B. Blok A (lima bilik darjah) masih digunakan sejak 29 bulan daripada tarikh pengesahan JKR walaupun terdapat kerosakan pada struktur asas tiang bangunan disebabkan tiada ruang di sekolah boleh digunakan sebagai penempatan sementara. (Gambar 8)
1.2.	SK Pomotodon**	Pra Bina	2021	312	Bilik darjah Blok pentadbiran	
1.3.	SK Gayang**	Pra Bina	2021	457	Bilik darjah Blok pentadbiran	<ul style="list-style-type: none"> Ruang/bangunan masih digunakan walaupun disahkan tidak selamat oleh JKR. Pihak sekolah tiada ruang lain yang boleh dijadikan penempatan sementara.
1.4.	SK Pekan Kimanis	Pra Bina	2021	388	Bilik darjah Blok pentadbiran	
1.5.	SK Buit Hill**	Pra Bina	2021	426	Bilik darjah Blok pentadbiran	
2.0.	Negeri Sarawak					
2.1.	SK Ng. Tada**	Pembinaan	2019	227	Asrama	<ul style="list-style-type: none"> Murid masih menggunakan asrama yang disahkan tidak selamat oleh JKR kerana tiada ruang di sekolah yang boleh dijadikan penempatan sementara. Peratus kemajuan kerja di tapak 69.2%.
2.2.	SK Penghulu Imban**	Pembinaan	2020	254	Bilik darjah Blok pentadbiran	<ul style="list-style-type: none"> Ruang/bangunan masih digunakan walaupun disahkan tidak selamat oleh JKR. Pihak sekolah tiada lagi ruang lain yang boleh dijadikan penempatan sementara. Peratus kemajuan kerja di tapak 79.5%.

Sumber: Lawatan Audit Pada Bulan Januari dan Februari 2023 dan Rekod Enrolmen Murid

Nota: (*) - Enrolmen Murid di Sekolah Bagi Tahun Semasa 2022 Meliputi Murid Arus Perdana, Pra Sekolah dan Pendidikan Khas

(**) - Pemeriksaan oleh JPN

GAMBAR 8



SK Binsulok, Sabah

- Blok A (Bilik Darjah) Disahkan Tidak Selamat oleh JKR tetapi

Masih Digunakan kerana Sekolah Tiada Ruang Lain yang Boleh Dijadikan Penempatan Sementara
(01.02.2023)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iii. Pihak Audit mendapati sekolah masih menggunakan bangunan/ruang yang telah disahkan tidak selamat kerana kekurangan ruang di sekolah untuk penempatan sementara murid. Selain itu, terdapat sekolah yang telah membuat penyuraian (penempatan sementara) dengan menjadikan bangunan/ruang khas sebagai bilik darjah, namun **sebahagian penempatan sementara tersebut tidak kondusif**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 15** serta **Gambar 9** hingga **Gambar 11**.

JADUAL 15
PENEMPATAN SEMENTARA MURID TIDAK KONDUSIF

BIL.	SEKOLAH	STATUS	TAHUN DILULUS	* BIL. ENROLMEN SEMASA MURID	BLOK DAIF YANG TIDAK SELAMAT DAN AKAN DIROBOH	PENEMUAN
1.0. Negeri Kedah						
1.1.	SK Padang Lumat	Pembinaan	2020	365	Blok PdP	PdP Amali Sains dan Kemahiran Hidup dijalankan di dalam kelas kerana bilik sains dan bilik kemahiran hidup telah dijadikan bilik darjah sementara.
	SK Syed Ibrahim	Pembinaan		488	Bilik Kaunseling	Bilik Moral telah dijadikan bilik kaunseling. Bilik Moral yang baharu telah dipindahkan ke ruang legar di bangunan sekolah adalah tidak sesuai dan tidak kondusif. (Gambar 9)
1.3.	SK Tebengau	Pra Bina	2022	389	Pra Sekolah	Penempatan sementara tidak mempunyai kemudahan yang lengkap seperti tempat penyediaan makanan. (Gambar 10)
2.0. Negeri Perak						
2.1.	SK Bagan Serai	Pembinaan	2020	462	Pra Sekolah	Penempatan sementara tidak mempunyai kemudahan yang lengkap seperti tempat penyediaan makanan.
					Pendidikan Khas	
3.0. Negeri Sabah						
3.1.	SK Sungoi	Pembinaan	2020	19	Pra Sekolah	Murid melaksanakan PdP di bilik darjah yang telah dipecahkan kepada beberapa bahagian yang kecil dan sebahagian murid melaksanakan PdP di luar kelas. (Gambar 11)

Sumber: Lawatan Audit pada Bulan Januari dan Februari 2023 dan Rekod Enrolmen Murid

Nota: (*) - Enrolmen Murid di Sekolah Bagi Tahun Semasa 2022 Meliputi Murid Arus Perdana, Pra Sekolah dan Pendidikan Khas

GAMBAR 9



SK Syed Ibrahim, Kedah
- Kelas Moral Ditempatkan di Ruang Legar
(17.01.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 10



Ruang Memasak ditempatkan di bahagian belakang

SK Tebengau, Kedah
- Penempatan Sementara Tidak Mempunyai Kemudahan yang Lengkap Menyebabkan Ruang Penyediaan Makanan Bagi Murid Pra Sekolah Ditempatkan di dalam Kelas
(16.01.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 11



SK Sungoi, Sabah
- Sesi PdP Tahun 6 Dilaksanakan di Luar Bangunan kerana Kekurangan Bilik Darjah, Manakala Satu Bilik Darjah Diubahsuai Menjadi Tiga Kelas
(01.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas KPM yang diterima pada 5 Mei, 21 Jun dan 14 Julai 2023

- KPM telah menyalurkan RM10.45 juta kepada JPN Sabah dan RM1.3 juta kepada JPN Sarawak untuk menyenggara dan memanjangkan tempoh hayat bangunan. Bagi projek dalam peringkat pra bina dan projek penggantian yang lain, JPN telah mengadakan perbincangan berhubung pelan penyuraian murid. Selain itu, bagi permohonan projek penggantian di bawah RP4 tahun 2024, KPM telah memasukkan skop penyuraian murid dengan penyewaan kabin sementara atau pembinaan bangunan sementara.
- SK Tansau, Sabah** - JPN Sabah telah melantik kontraktor bagi menjalankan kerja penyenggaraan sementara di bangunan kayu. Ini bagi memastikan bangunan kayu yang telah disahkan tidak selamat boleh dipanjangkan jangka hayat penggunaannya sehingga bangunan gantian disiapkan. Selain itu, JKR Malaysia telah menyalurkan peruntukan kepada JKR Sabah untuk melaksanakan ujian bahan terhadap bangunan konkrit di SK Tansau. JKR Sabah dalam proses menyediakan anggaran kos awalan meliputi skop kerja secara menyeluruh untuk SK Tansau.

- **SK Sg. Paoh, Sarawak** - JKR Sarawak telah menyerahkan bangunan baharu kepada pihak sekolah pada 17 Mei 2023. Bagi peralatan perabot, JPN Sarawak telah mengemukakan permohonan peruntukan untuk perolehan perabot kepada KPM pada 3 April 2023. KPM dalam proses mengemukakan permohonan NOC peruntukan tahun 2023 kepada Kementerian Ekonomi kerana peruntukan sedia ada tidak mencukupi. Sementara menunggu perolehan perabot, JPN Sarawak telah memindahkan perabot di bangunan lama untuk kegunaan sementara.
- Kelas Pendidikan Moral di SK Syed Ibrahim telah dilaksanakan di bilik asal memandangkan bangunan baharu telah siap sepenuhnya dan diserahkan kepada JPN Kedah pada 7 Jun 2023. Bagi SK Tebengau, PPD Kota Setar telah melantik kontraktor bagi melaksanakan kerja ubah suai ruang sedia ada dan pemberian sementara bagi menempatkan tempat penyediaan makanan bagi kegunaan pra sekolah.

Pendapat Audit | Kelewatan penyiapan projek daif menyebabkan PdP dilaksanakan di ruang yang tidak kondusif. Selain itu, PdP yang dilaksanakan di bangunan/ruang yang telah disahkan tidak selamat boleh menjelaskan keselamatan guru dan murid.

5.2. Pengurusan Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif

Semakan Audit terhadap pengurusan naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah meliputi pencapaian kewangan, pengurusan projek daif dan pengurusan sekolah yang belum diangkat permohonan projek daif mendapati perkara seperti di perenggan berikut:

5.2.1. Peruntukan dan Perbelanjaan

5.2.1.1. Prestasi Perbelanjaan Projek

- Mengikut rekod kelulusan projek daif oleh Kementerian Ekonomi bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022, kos siling yang diluluskan untuk pelaksanaan projek daif di 386 sekolah adalah berjumlah RM3.437 bilion. Kos ini meliputi dana pembangunan (DE) berjumlah RM2.338 bilion, dana PFI II berjumlah RM76.04 juta dan dana pembangunan khas untuk tambahan pelaksanaan projek di negeri Sarawak berjumlah RM1.023 bilion. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
JUMLAH SILING PERUNTUKAN KESELURUHAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2022

TAHUN KELULUSAN	KOS SILING PEMBANGUNAN		KOS SILING PFI II		KOS SILING DANA KHAS SARAWAK		JUMLAH KESELURUHAN	
	BIL. PROJEK	RM JUTA	BIL. PROJEK	RM JUTA	BIL. PROJEK	RM JUTA	BIL. PROJEK	RM JUTA
2019	47	345.70	19	76.04	41	355.52	107	777.26
2020	81	659.65	-	-	52	367.78	133	1,027.43
2021	50	725.01	-	-	54	300.00	104	1,025.01
2022	42	607.62	-	-	-	-	42	607.62
JUMLAH	220	2,337.98	19	76.04	147	1,023.30	386	3,437.32

Sumber: Data Perbelanjaan Tahun 2019 hingga 2022, KPM Setakat 31 Disember 2022 di bawah Peruntukan DE, PFI II dan Dana Khas Sarawak

b. KPM telah menyalurkan sejumlah RM1.026 bilion peruntukan untuk pelaksanaan projek daif bagi tahun 2019 hingga 2022. Sehingga 31 Disember 2022, sejumlah RM715.55 juta (69.7%) telah dibelanjakan untuk pelaksanaan projek daif di 123 sekolah yang telah siap dan 263 sekolah dalam peringkat pelaksanaan. Analisis Audit mendapatkan:

- i. **Projek daif telah siap** - sejumlah RM445.48 juta (85.2%) telah dibelanjakan daripada RM522.56 juta peruntukan yang diterima. Perbelanjaan belum mencapai 100% adalah disebabkan terdapat bayaran yang belum dibuat dan Penyata Akaun Muktamad (SoFA) belum ditutup.
- ii. **Projek daif dalam pelaksanaan** - sejumlah RM270.07 juta (53.6%) telah dibelanjakan daripada RM503.51 juta peruntukan yang diterima. Ini adalah meliputi perbelanjaan bagi 170 sekolah yang masih di peringkat pra bina dan 93 sekolah di peringkat pembinaan. Sehingga 31 Disember 2022, purata kemajuan kerja bagi projek daif dalam pembinaan adalah pada tahap 37.8%.
- iii. Butiran lanjut peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
PRESTASI PERBELAJAAN BERBANDING PENCAPAIAN FIZIKAL PROJEK
SETAKAT 31 DISEMBER 2022

BIL.	STATUS PROJEK	BIL. PROJEK	PERATUS KEMAJUAN KERJA (%)	PERUNTUKAN		PERBELANJAAN		%
				BIL. SEKOLAH	RM JUTA	BIL SEKOLAH	RM JUTA	
1.	Siap	123	100.0	123	522.56	123	445.48	85.2
2.	Pelaksanaan	263	37.8	263	503.51	263	270.07	53.6
	JUMLAH	386	-	386	1,026.07	386	715.55	69.7

Sumber: Data Perbelanjaan Tahun 2019 hingga 2022, KPM Setakat 31 Disember 2022 di bawah Peruntukan DE, PFI II dan Dana Khas Sarawak

- c. Analisis Audit selanjutnya mendapati **prestasi perbelanjaan projek daif menunjukkan trend penurunan yang ketara pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 iaitu daripada 88.7% kepada 16.2%**. Prestasi perbelanjaan yang rendah ini disebabkan pelaksanaan projek yang tertangguh apabila negara dilanda pandemik Covid-19. Prestasi perbelanjaan menunjukkan peningkatan pada tahun 2021 kepada 85.1% dan menurun kepada 73.5% pada tahun 2022.
- d. Analisis Audit mendapati **peruntukan yang disalurkan oleh KPM bagi projek daif adalah rendah berbanding dengan siling yang diluluskan disebabkan kelewatan pelaksanaan projek** (**Jadual 18**). Sehingga 31 Disember 2022, hanya 123 (31.9%) daripada 386 projek yang diluluskan telah siap. Sebanyak 170 (44%) projek pula masih di peringkat pra bina iaitu belum dibuat pelantikan kontraktor dan 93 (24.1%) projek dalam peringkat pembinaan.

JADUAL 18

PRESTASI KEWANGAN PROJEK DAIF DI SEKOLAH BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2022

PERUNTUKAN		BELANJA		PECAHAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGIKUT TAHUN PROJEK DILULUSKAN											
				PROJEK TAHUN 2019			PROJEK TAHUN 2020			PROJEK TAHUN 2021			PROJEK TAHUN 2022		
TAHUN	JUMLAH	RM JUTA	%	P (RM Juta)	B (RM Juta)	%	P (RM Juta)	B (RM Juta)	%	P (RM Juta)	B (RM Juta)	%	P (RM Juta)	B (RM Juta)	%
2019	206.84	183.51	88.7	206.84	183.51	88.7									
2020	160.76	26.06	16.2	88.82	25.26	28.4	71.94	0.80	1.1						
2021	189.93	161.63	85.1	110.01	96.79	88.0	75.11	64.59	86.0	4.81	0.25	5.2			
2022	468.54	344.35	73.5	144.44	116.56	80.7	292.74	223.29	76.3	24.09	2.55	10.6	7.27	1.95	26.8
JUMLAH	1,026.07	715.55	69.7	550.11	422.12	76.7	439.79	288.68	65.6	28.90	2.80	9.7	7.27	1.95	26.8

Sumber: Data Perbelanjaan Tahun 2019 hingga 2022, KPM Setakat 31 Disember 2022 di bawah Peruntukan DE, PFI II dan Dana Khas Sarawak
Nota: P – Peruntukan; B – Perbelanjaan

Maklum balas KPM yang diterima pada 5 Mei dan 21 Jun 2023

- Penurunan prestasi perbelanjaan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah disebabkan pelaksanaan PKP pada tahun 2020.
- Pada tahun 2022, KPM membuat unjuran peruntukan bagi projek daif lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Bagaimanapun pada tahun tersebut, sektor pembinaan negara menghadapi isu ketidakcukupan bekalan, peningkatan harga bahan binaan, kenaikan kadar sewaan jentera dan kekurangan tenaga pekerja di tapak bina. Faktor ini memberi kesan kepada kontraktor dan perunding, menjadikan mereka lebih berhati-hati dalam menerima dan melaksanakan sesuatu

projek. Terdapat 25 projek daif di Sarawak perlu ditender semula kerana tiada petender berminat.

- Pada tahun 2023, KPM telah memohon kepada agensi pelaksana untuk menyediakan unjuran perbelanjaan yang lebih tepat berdasarkan kemajuan semasa projek. KPM juga mengadakan Mesyuarat Permulaan Projek Daif 2023, Mesyuarat Penyelarasan Halatuju Pelaksanaan Projek Daif RM1 bilion (Fasa 3).

5.2.1.2. Pengurusan Kewangan Projek

- a. Dokumen kontrak, klausula 28.3 menetapkan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh penilaian dibuat, Pegawai Pengguna (P.P) hendaklah mengeluarkan Perakuan Bayaran Interim menyatakan jumlah yang perlu dibayar kepada kontraktor. Klausula 28.6 pula menetapkan dalam masa 30 hari daripada tarikh pengeluaran Perakuan Bayaran Interim tersebut, kerajaan hendaklah membuat bayaran kepada kontraktor.
- b. Analisis Audit mendapati **lapan tuntutan interim berjumlah RM5.07 juta melibatkan lima projek dibayar secara berperingkat dan melebihi tempoh bayaran yang ditetapkan** adalah seperti berikut:
 - Bayaran tuntutan interim dikumpul dan dibayar dalam baucar bayaran yang sama melibatkan tiga tuntutan interim bagi dua projek daif.
 - Bayaran untuk tuntutan interim yang sama dibuat secara berperingkat dalam baucar bayaran yang berbeza melibatkan lima tuntutan interim bagi tiga projek daif.
- c. Perkara ini berlaku disebabkan peruntukan yang diterima kurang dan tidak selari dengan kemajuan kerja projek di tapak. Selain itu, terdapat tuntutan oleh kontraktor yang dikemukakan selepas tarikh penutupan akaun kerajaan, iaitu pada hujung tahun menyebabkan bayaran hanya dapat dibuat pada tahun berikutnya. **Keadaan ini menyebabkan berlaku kelewatan bayaran interim kepada kontraktor antara 15 hingga 192 hari.** Semakan Audit juga mendapati lima projek ini telah mengalami kelewatan kemajuan kerja di tapak antara 0.7% hingga 21.5%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 19.**

JADUAL 19
ANALISIS AUDIT TERHADAP KELEWATAN BAYARAN INTERIM

BIL.	PROJEK	NO. BAYARAN INTERIM	JUMLAH TUNTUTAN INTERIM (RM)	BAYARAN INTERIM			PERATUS KELEWATAN KEMAJUAN KERJA* (%)	ANALISIS AUDIT
				RM	%	LEWAT (Hari)		
1.0. Bayaran Tuntutan Interim Terkumpul								
1.1.	SK Syed Ibrahim, Kedah	3	68,500	68,500	100	24	-14.5	Bayaran interim 3 dibayar bersama bayaran interim 4
1.2.	SK Sambir, Sarawak	8	253,688	253,688	100	48	-1.2	Bayaran interim 8 dan 9 dibayar bersekali pada bayaran interim 10
		9	186,261	186,261	100	15		
2.0 Bayaran Tuntutan Interim Dibuat Secara Berperingkat								
2.1.	SK Nanga Klassen, Sarawak	3	822,316	211,258 (Sebahagian)	25.7	43	-0.7	Tuntutan interim dipecahkan kepada dua bayaran
				611,058 (Baki)	74.3	98		
2.2.	SK Orang Kaya Temenggong Tanduk, Sarawak	3	658,916	364,411 (Sebahagian)	55.3	43	-6.2	Tuntutan interim dipecahkan kepada dua bayaran
				294,505 (Baki)	44.7	98		
2.3.	SMK Balai Ringin, Sarawak	2	1,278,054	857,993 (Sebahagian)	67.1	50	-21.5	Tuntutan interim dipecahkan kepada dua bayaran
				420,061 (Baki)	32.9	57		
		6	1,317,079	103,104 (Baki)	7.8	192		
		10	481,081	210,238 (Baki)	43.7	61		Baki tuntutan interim lewat dibayar
JUMLAH			5,065,895					

Sumber: Baucar Bayaran dan Borang JKR 66

Nota: Tempoh Kelewatian Bayaran Interim dikira Selepas 30 Hari daripada Tarikh Perakuan Bayaran Interim

(*) - Peratus Kelewatian Kemajuan Kerja Pada 31 Disember 2022

Maklum balas KPM yang diterima pada 5 Mei dan 21 Jun 2023

- Pada tahun 2023, KPM telah memohon kepada agensi pelaksana untuk menyediakan unjuran perbelanjaan yang lebih tepat berdasarkan kemajuan semasa projek.

Maklum balas JKR yang diterima pada 14 Julai 2023

- Permohonan pengecualian pematuhan prosedur penutupan akaun akhir tahun ke atas bayaran interim kontraktor akan dibuat apabila Kementerian Kewangan (MoF) mengeluarkan pemakluman tarikh penutupan akaun kerajaan pada penghujung tahun 2023.

Pendapat Audit | **Prestasi perbelanjaan yang rendah adalah disebabkan kelewatan dalam pelaksanaan projek daif. Manakala, kelemahan penyaluran peruntukan menyebabkan berlaku kelewatan bayaran interim.**

5.2.2. Pengurusan Projek Daif

5.2.2.1. Perakuan Kerja Tidak Siap (PKTS) Tidak Dikeluarkan

- a. Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, PK 2.1, Lampiran 2.26, Perenggan 6.9, sekiranya kontraktor gagal menyiapkan kerja pada tarikh yang ditetapkan, PKTS hendaklah dikeluarkan serta merta kepada kontraktor dan LAD dikenakan. Mengikut dokumen kontrak, klausula 40.2, setelah P.P mengeluarkan PKTS, kerajaan boleh membuat tuntutan kepada kontraktor melalui LAD bermula daripada tarikh PKTS dikeluarkan sehingga kerja siap atau penamatan kontrak.
- b. Semakan Audit mendapati tempoh siap semasa bagi enam projek daif yang sedang dilaksanakan telah tamat antara 24 Februari hingga 29 Jun 2022. Bagaimanapun, semasa pengauditan dilaksanakan **tiada bukti menunjukkan PKTS telah dikeluarkan kepada kontraktor yang berkaitan. Setakat 31 Disember 2022, berdasarkan kiraan Audit PKTS masih belum dikeluarkan antara 185 hingga 310 hari** dengan anggaran LAD berjumlah RM1.42 juta boleh dikenakan sekiranya PKTS dikeluarkan. Kegagalan mengeluarkan PKTS menyebabkan masa kontrak dalam keadaan tergantung (time is at large) dan kerajaan boleh kehilangan hak untuk menetapkan tempoh penyiapan kontrak dan hak di bawah syarat kontrak berkaitannya. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 20.**

JADUAL 20
KELEWATAN MENGELOUARKAN PERAKUAN KERJA TIDAK SIAP

BIL.	PROJEK DAIF (Sekolah)	TARIKH SIAP SEMASA	TEMPOH-PKTS TIDAK DIKELUARKAN SETAKAT 31.12.2022 (Hari)	LAD YANG BOLEH DIKENAKAN SETAKAT 31.12.2022 (RM)
1.	SK Ng. Kesit, Sarawak	24.02.2022	310	420,177
2.	SK Beliong, Sarawak	29.06.2022*	185	103,398
3.	SK Jaie, Sarawak	28.06.2022*	186	37,546
4.	SK Terasi, Sarawak	28.06.2022*	186	105,709
5.	SK Sambir, Sarawak	25.03.2022	281	442,083
6.	SK Tebelu, Sarawak	01.05.2022	244	315,016
JUMLAH				1,423,929

Sumber: Dokumen Kontrak, Sijil EOT dan PKTS

Nota: (*) - Tarikh Tamat Kontrak adalah Berdasarkan Tarikh Siap Berbahagian (Sectional Completion) kerana Projek dibuat Secara Berpakej oleh Kontraktor yang Sama

Maklum balas KPM yang diterima pada 21 Jun 2023

JKR Sarawak telah mengeluarkan PKTS kepada semua kontraktor terlibat selepas teguran Audit. Kelewanan pengeluaran PKTS ini disebabkan:

- Kontraktor lewat mengemukakan permohonan EOT melibatkan projek daif di tiga sekolah iaitu SK Ng. Kesit, SK Tebelu dan SK Sambir;
- Terdapat kekeliruan tarikh PKTS perlu dikeluarkan kerana pelaksanaan projek daif di tiga sekolah, iaitu SK Beliong, SK Jaie dan SK Terasi dibuat secara berpakej oleh kontraktor yang sama di mana tarikh kelewanan penyiapan berbahagian (sectional completion) belum melepassi tarikh akhir penyiapan keseluruhan pakej; dan
- Sebagai penambahbaikan pengurusan tatacara pengurusan kontrak di kalangan pegawai, JKR Sarawak telah menganjurkan Bengkel Manual Arahan Pejabat JKR Bahagian pada 7 hingga 9 Mac 2023 bagi menambah baik proses aliran kerja dan sebagai rujukan untuk pegawai baharu di masa hadapan. Pada masa yang sama, JKR Sarawak juga telah mula menganjurkan program latihan kompetensi untuk meningkatkan lagi kompetensi dan pengetahuan semua pegawai pengurusan dan profesional JKR Sarawak.

**Pendapat
Audit**

Kelemahan dalam pentadbiran kontrak menyebabkan PKTS tidak dikeluarkan apabila kontrak tamat tempoh. PKTS hanya dikeluarkan selepas teguran Audit dan tarikh telah dikebelakangkan (backdated).

5.2.3. Pengurusan Sekolah yang Belum Diangkat Permohonan Projek Daif

- a. Berdasarkan Surat Arahan Penggunaan Sub Modul Infrastruktur di dalam sistem maklumat pendidikan (EMIS) bertarikh 8 Disember 2020, pegawai sektor infrastruktur dan perolehan PPD dan JPN perlu mendapatkan pengesahan JKR Daerah/JKR Pusat mengenai tahap fizikal bangunan serta syor berkaitan bagi sekolah yang berada di skala 6. Seterusnya KPM perlu membuat perancangan pengurusan penyenggaraan dan pembangunan semula sekolah yang disahkan berada di skala 7 (tidak selamat) oleh JKR dengan mengemukakan permohonan pelaksanaan projek daif kepada Kementerian Ekonomi.
- b. Berdasarkan data Sub Modul Infrastruktur EMIS bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022, sebanyak 1,094 sekolah dikenal pasti mempunyai bangunan daif, 205 (18.7%) daripadanya telah dilaksanakan pemeriksaan dan mendapat syor daripada JKR manakala 889 (81.3%) sekolah masih belum dibuat pemeriksaan oleh JKR. Bagaimanapun, permohonan pelaksanaan projek daif bagi 205 sekolah masih belum diangkat untuk kelulusan Kementerian Ekonomi.
- c. Analisis Audit terhadap Laporan Pemeriksaan Teknikal JKR bagi 205 sekolah mendapati **syor JKR telah diperoleh sejak tahun 2010, iaitu antara satu hingga 13 tahun setakat 31 Disember 2022**. Analisis Audit terhadap syor JKR mendapati perkara berikut:
 - i. Sebanyak 171 (83.4%) sekolah mempunyai bangunan daif yang tidak selamat diduduki serta perlu diroboh dan bina baharu.
 - ii. Sebanyak 34 (16.6%) sekolah disyorkan kerja penyenggaraan kerana bangunan/kemudahan di sekolah tidak berada pada tahap daif.
 - iii. Butiran lanjut analisis Audit terhadap 205 sekolah tersebut adalah seperti dalam **Jadual 21** dan **Carta 1**.

JADUAL 21
PEMERIKSAAN DAN SYOR JKR DI 205 SEKOLAH SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

BIL.	NEGERI	TAHUN PEMERIKSAAN JKR													BIL. SEKOLAH	SYOR JKR		
		2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	TM*		(a)	(b)	
1.	Sarawak	1	-	-	1	1	3	4	2	3	3	10	40	11	-	79	75 4	
2.	Sabah	-	-	1	1	-	1	3	2	-	16	11	20	18	-	73	61 12	
3.	Kedah	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	3	6	4	1	15	7 8	
4.	Perak	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	1	1	5	1	9	6 3	
5.	Lain-lain	1	1	-	-	-	-	-	-	1	1	6	18	1	-	29	22 7	
JUMLAH		2	1	1	2	1	4	7	4	4	22	31	85	39	2	205	171	34

Sumber: Data Sub Modul Infrastruktur EMIS dan Rekod KPM Setakat 31 Disember 2022


Nota: (*) - Tahun Pemeriksaan JKR bagi Dua Sekolah Tidak Dapat Ditentukan kerana Maklumat Tarikh Pemeriksaan Tidak Direkodkan dalam Pemeriksaan JKR

PdP - Pengajaran dan Pembelajaran; TM - Tiada Maklumat

(a) - Tidak Selamat Diduduki serta Perlu Roboh dan Bina Semula

(b) - Pembaikan/Penyenggaraan

CARTA 1
205 SEKOLAH YANG DIKENAL PASTI MEMPUNYAI BANGUNAN DAIF TELAH DIPERIKSA DAN MENDAPAT SYOR JKR SEHINGGA 31 DISEMBER 2022



Sumber: Analisis Audit Terhadap Data 205 Sekolah yang telah dibuat Pemeriksaan oleh JKR dan diberi Syor

Nota: (*) - Sebanyak Dua Sekolah Tidak Dapat ditentukan Tarikh Pemeriksaan JKR

- d. Pihak Audit telah membuat analisis pengumuran (ageing) terhadap 205 sekolah yang mempunyai syor JKR. Analisis Audit mendapati perkara berikut:

i. Syor Tidak Selamat dan Perlu Roboh

Sebanyak 171 sekolah telah disahkan mempunyai bangunan yang tidak selamat diduduki serta disyorkan untuk roboh dan bina semula oleh JKR. Analisis Audit mendapati negeri dengan sekolah yang paling banyak mempunyai bangunan daif yang tidak selamat diduduki adalah di Sarawak diikuti oleh Sabah. Analisis Audit selanjutnya mendapati:

- Sebanyak 20 sekolah meliputi 12 sekolah di Sarawak, enam sekolah di Sabah dan dua sekolah di Semenanjung **telah dijalankan pemeriksaan oleh JKR antara tahun 2010 hingga 2017 iaitu antara enam hingga 13 tahun.**
- Sebanyak 151 sekolah iaitu 63 di Sarawak, 55 di Sabah dan 33 di Semenanjung yang **diperiksa pada tahun 2018 hingga 2022 iaitu antara satu hingga lima tahun.**

ii. Syor Penyenggaraan

Sebanyak 34 sekolah yang diperiksa oleh JKR telah disyorkan untuk dibuat penyenggaraan. Analisis Audit selanjutnya mendapati:

- Dua sekolah di Sabah telah dijalankan pemeriksaan oleh JKR pada tahun 2013 dan 2017.
 - 30 sekolah iaitu empat di Sarawak, sepuluh di Sabah dan 16 di Semenanjung diperiksa pada tahun 2018 hingga 2022 iaitu antara satu hingga lima tahun.
 - Dua lagi sekolah masing-masing satu di Kedah dan Perak tidak dapat ditentukan tarikh pemeriksaan JKR.
- e. Secara umumnya, **KPM masih belum mengangkat permohonan pelaksanaan projek daif ke Kementerian Ekonomi walaupun telah memperoleh syor JKR antara satu hingga 13 tahun bagi 205 sekolah tersebut.** Perkara ini disebabkan cadangan sekolah untuk pelaksanaan projek daif belum memenuhi kriteria projek yang ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi seperti isu hak milik tanah belum diselesaikan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 22.**

**JADUAL 22
ANALISIS PENGUMURAN (AGEING) SYOR JKR DI 205 SEKOLAH
SEHINGGA 31 DISEMBER 2022**

BIL.	NEGERI	BIL. SEKOLAH			
		6 HINGGA 13 TAHUN (2010-2017)	1 HINGGA 5 TAHUN (2018-2022)	TIADA TAHUN SYOR	JUMLAH
1.0. Tidak selamat diguna serta perlu diroboh dan bina semula					
1.1.	Sarawak	12	63	-	75
1.2.	Sabah	6	55	-	61
1.3.	Kedah	-	7	-	7
1.4.	Perak	-	6	-	6

BIL.	NEGERI	BIL. SEKOLAH			
		6 HINGGA 13 TAHUN (2010-2017)	1 HINGGA 5 TAHUN (2018-2022)	TIADA TAHUN SYOR	JUMLAH
1.5.	Lain-lain Negeri	2	20	-	22
	JUMLAH	20	151	-	171
2.0.	Penyenggaraan				
2.1.	Sarawak	-	4	-	4
2.2.	Sabah	2	10	-	12
2.3.	Kedah	-	7	1	8
2.4.	Perak	-	2	1	3
2.5.	Lain-lain	-	7	-	7
	JUMLAH	2	30	2	34
	JUMLAH KESELURUHAN	22	181	2	205

Sumber: Analisis Audit Terhadap Laporan Pemeriksaan Teknikal JKR

- f. Analisis Audit selanjutnya mendapati **sebanyak 133 (77.8%) daripada 171 sekolah masih menggunakan bangunan/ruang yang telah disahkan oleh JKR/JPN sebagai tidak selamat** melibatkan 395 ruang PdP dan 493 ruang bukan PdP. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
**SEKOLAH YANG MASIH MENGGUNAKAN BANGUNAN/RUANG YANG TELAH
DISAHKAN TIDAK SELAMAT OLEH JKR**

BIL.	NEGERI	BIL SEKOLAH	BIL. RUANG	
			PdP	BUKAN PdP
1.	Sarawak	61	173	291
2.	Sabah	55	184	172
3.	Kedah	4	8	7
4.	Johor	3	5	4
5.	Kelantan	2	13	6
6.	Negeri Sembilan	2	4	3
7.	Pahang	2	0	5
8.	Pulau Pinang	2	4	5
9.	Perak	1	3	0
10	Melaka	1	1	0
	JUMLAH	133	395	493

Sumber: Lampiran Dokumen Sub Modul Infrastruktur EMIS

- g. Lawatan fizikal Audit ke 29 sekolah di negeri Kedah, Perak, Sabah dan Sarawak mendapati **sebanyak 16 (55.2%) sekolah masih menggunakan bangunan/ruang yang disahkan tidak selamat oleh JKR**. Bangunan/ruang ini masih digunakan antaranya disebabkan sekolah tidak mempunyai ruang lain yang boleh ditukar fungsi. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 24** dan **Gambar 12 hingga Gambar 19**.


JADUAL 24
SEKOLAH MEMPUNYAI BANGUNAN/RUANG YANG DISAHAKAN
TIDAK SELAMAT OLEH JKR TETAPI MASIH DIGUNAKAN

BIL.	SEKOLAH/ TARIKH SYOR JKR	PENEMUAN AUDIT
1.0.	Negeri Kedah	
1.1.	SK Siong/ 08.05.2019	Bangunan/Ruang daif: Blok H (Pendidikan Khas) Dinding dan tiang telah mereput serta rasuk telah melendut berbahaya kepada murid dan guru. (Gambar 12)
2.0.	Negeri Perak	
2.1.	SK Manong/ 29.11.2021	Bangunan/Ruang daif: Blok A (Aras 1 - Pusat Sumber dan Surau , Aras Bawah - Bilik Guru dan Bilik Pemulihan) <ul style="list-style-type: none"> • Bangunan disahkan tidak selamat disebabkan serangan anai-anai pada lantai aras atas. • Namun, pihak sekolah hanya mengosongkan aras atas, manakala aras bawah menempatkan bilik guru dan bilik pemulihan masih digunakan.
3.0.	Negeri Sabah	
3.1.	SK Bundu Tuhan/ 06.10.2015	Bangunan/Ruang daif: Blok bangunan bilik darjah Tahun 1 hingga 6 dan bangunan Bilik Gerakan <ul style="list-style-type: none"> • Kesan mendapan pada sebahagian lantai kelas kerana kejadian gempa bumi. • Blok bangunan bilik darjah Tahun 1 hingga 6 dan bangunan Bilik Gerakan masih digunakan kerana sekolah tiada lagi ruang yang boleh dijadikan penempatan sementara. Selain itu, bumbung bangunan juga telah berkarat dan berlaku kebocoran. (Gambar 13)
3.2.	SK Tambatuan/ 14.06.2019	Bangunan/Ruang daif: Blok A (Bilik Darjah, dan Bilik Guru) serta Blok B (Bilik darjah, Stor Sukan, Bilik Mesyuarat, Makmal Komputer dan Bilik Pemulihan) <ul style="list-style-type: none"> • Tiang mereput dan patah. • Lantai jenis kayu juga didapati tidak kukuh, berlubang dan mereput di sebahagian ruang dalam kelas dan sudut disebabkan serangan anai-anai dan kumbang kayu. (Gambar 14)
3.3.	SK Peladok/ 21.02.2019	Bangunan/Ruang daif: Blok A (Bilik darjah, Bilik SPBT dan Bilik Pejabat Am) serta Blok B (Bilik Darjah) <p>Lantai kayu mereput dan rosak serta pihak sekolah mengambil inisiatif memasang kayu <i>plywood</i> di kelas Tahun 2 hingga Tahun 5. (Gambar 15)</p>
3.4.	SK Tamu Darat/ 23.05.2019	Bangunan/Ruang daif: Blok A, B, C dan D dan Rumah Guru <p>Lantai kayu, tingkap dan tiang bangunan mereput kerana serangan anai-anai di kelas Tahun 3 hingga Tahun 6. (Gambar 16)</p>
3.5.	SK Tambulian/ 14.06.2019	Bangunan/Ruang daif: Blok A (Bilik Darjah dan Pusat Sumber), Blok B (Stor dan Bilik Guru) serta Blok C (Bilik Darjah, Bilik SPBT dan Surau) <p>Lantai berlubang dan siling bocor di bilik darjah dimasuki air ketika hujan lebat dan ribut.</p>
3.6.	SK Mengkabong/ 20.07.2020	Bangunan/Ruang daif: Blok A (Pentadbiran dan Bilik Darjah) serta Blok C (Bilik Darjah Tahun 1) <ul style="list-style-type: none"> • Siling reput dan berlaku keretakan pada struktur bangunan yang lama. • Berlaku mendapan tanah disebabkan lokasi sekolah di kawasan cerun.
3.7.	SK Palu-Palu/ 11.02.2020	Bangunan/Ruang daif: Blok C (Bilik Mesyuarat dan Bilik Guru) <p>Lantai dan dinding mereput serta sebahagian siling mengalami kebocoran.</p>
3.8.	SMK Apin- Apin/ 02.11.2021	Bangunan/Ruang daif: Blok C (Dijadikan stor) dan Blok D (Bilik Darjah) <p>Lantai mereput di kedua-dua blok dan sebahagian siling pecah di Blok C.</p>
3.9.	SK Kebayau/ 27.01.2021	Bangunan/Ruang daif: Blok A (Pentadbiran dan Pusat Sumber) serta Blok B (Bilik Darjah, Bilik JQAF, Bilik Sains, Bilik Pemulihan dan Bilik SPBT) <ul style="list-style-type: none"> • Lantai jenis kayu di kelas Tahun 5 mereput disebabkan serangan anai-anai. • Pendawaian elektrik tidak disenggara.
4.0.	Negeri Sarawak	
4.1.	SK Ng. Jagau/ 04.09.2015	Bangunan/Ruang daif: Keseluruhan sekolah <ul style="list-style-type: none"> • Berlaku kegagalan cerun dan mendapan di seluruh kawasan sekolah.

BIL.	SEKOLAH/ TARIKH SYOR JKR	PENEMUAN AUDIT
		<ul style="list-style-type: none"> Pihak PPD dan JPN telah mengemukakan permohonan untuk memindahkan sekolah ke tapak yang baharu dalam RMKe-12 RP3 tahun 2023. (Gambar 17)
4.2.	SK Rantau Dilang/ 07.09.2021	<p>Bangunan/Ruang daif: Blok Bangunan Pentadbiran dan Kelas, Bangunan Dewan Makan serta Kuarters Guru C1 dan Kuarters Guru Sebilo A</p> <ul style="list-style-type: none"> Berlaku keretakan pada struktur disebabkan mendapan. (Gambar 18). Struktur kayu meliputi lantai, dinding dan siling mereput dan tidak sesuai diduduki.
4.3.	SK Ulu Sungai Salim/ 05.01.2021	<p>Bangunan/Ruang daif: Blok A (Bilik Khas, Pejabat dan Bilik Guru) serta Bilik Pemulihan</p> <ul style="list-style-type: none"> Bangunan disahkan tidak selamat disebabkan serangan anai-anai pada lantai aras atas (ruang PdP). Namun, pihak sekolah hanya mengosongkan aras atas, manakala aras bawah menempatkan bilik guru dan bilik Guru Besar masih digunakan.
4.4.	SK Ijok/ 13.10.2021	<p>Bangunan/Ruang daif: Blok Pentadbiran (Bilik Darjah, Bilik Khas, Pejabat, Bilik Guru, Bilik Komputer dan Bilik Pemulihan) serta Kuarters Guru 1</p> <ul style="list-style-type: none"> Berlaku mendapan tanah menyebabkan struktur atas bangunan tidak kukuh dan tidak stabil. (Gambar 19) Lantai dan siling mereput kerana serangan anai-anai.
4.5.	SK Lubok Buntin/ 29.09.2021	<p>Bangunan/Ruang daif: Blok Pentadbiran (Bilik darjah, Stor dan Bilik Guru), Blok Pra Sekolah dan Rumah Guru A</p> <p>Tiang asas rumah guru yang dibina daripada kayu telah rosak diserang anai-anai.</p>

Sumber: Lawatan Fizikal Audit di Sekolah Pada Bulan Januari dan Februari 2023 dan Laporan Pemeriksaan Teknikal JKR

GAMBAR 12




SK Siong, Kedah

- Bilik Darjah Pendidikan Khas yang Mereput dan Usang Disahkan Tidak Selamat oleh JKR Sejak 8 Mei 2019
- (17.01.2023)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 13



- SK Bundu Tuhan
- Sebahagian Lantai yang telah Mendapak Disebabkan Gempa Bumi dan telah Disahkan Tidak Selamat Sejak 6 Oktober 2015
- (01.02.2023)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 14




- SK Tambatuan, Sabah
- Tiang Blok Pentadbiran dan PdP Mereput dan Patah Telah Disahkan Tidak Selamat oleh JKR Sejak 14 Jun 2019
- (01.02.2023)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 15

SK Peladok, Sabah
 - Lantai Kayu Mereput dan Rosak di Bilik Darjah
 Telah Disahkan Tidak Selamat oleh JKR Sejak
 21 Februari 2019
 (02.02.2023)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 16

SK Tamu Darat, Sabah
 - Lantai Kayu Mereput di Bangunan Menempatkan
 Kelas Tahun 3 dan Disahkan Tidak Selamat oleh JKR
 Sejak 23 Mei 2019
 (01.05.2023)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 17

SK Ng. Jagau, Sarawak
 - Kegagalan Cerun dan Mendapan Tanah yang Berlaku di Seluruh Kawasan Sekolah
 Membahayakan Guru dan Murid dan Telah Disahkan Tidak Selamat oleh JKR Sejak 4 September 2015
 (15.02.2023)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 18

SK Rantau Dilang, Sarawak
 - Keretakan di Seluruh Bangunan Blok Bilik Darjah dan Blok
 Pentadbiran Disebabkan Mendapan yang Terjadi di Tapak Sekolah
 dan Disahkan Tidak Selamat oleh JKR Sejak
 7 September 2021
 (14.02.2023)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 19



SK Ijok, Sarawak

- Mendapan yang Berlaku Menyebabkan Kayu Penahan Tambahan Digunakan untuk Menyokong Struktur Asas Blok yang Tidak Selamat Diduduki sejak

13 Oktober 2021

(15.02.2023)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- h. Selain itu, lawatan Audit mendapati **bangunan yang disahkan oleh JKR tidak selamat di 13 (44.8%) sekolah telah dikosongkan**. Bagaimanapun sehingga tarikh pengauditan pada bulan Januari dan Februari 2023, bangunan tersebut masih belum dirobohkan kerana KPM masih belum mengemukakan permohonan meroboh bangunan kepada KPKR. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 25** serta **Gambar 20** hingga **Gambar 22**.

JADUAL 25

BANGUNAN DAIF DI SEKOLAH YANG DISAHKAN TIDAK SELAMAT OLEH JKR TELAH DIKOSONGKAN TETAPI BELUM DIROBOHKAN

BIL.	SEKOLAH	TARIKH SYOR JKR	BANGUNAN/RUANG YANG DISAHKAN TIDAK SELAMAT
1.0. Negeri Kedah			
1.1.	SMK Seri Enggang	12.04.2021	<ul style="list-style-type: none"> • Blok Asrama Putera • Blok Asrama Puteri
1.2.	SK Padang Chichak	21.11.2021	<ul style="list-style-type: none"> • Kuarters Guru (Gambar 20) • Blok Pra Sekolah (Gambar 21)
1.3	SK Gunong	*06.12.2021	<ul style="list-style-type: none"> • Blok C (Bilik Darjah Lama)
1.4	SK Haji Wahab	*06.12.2021	<ul style="list-style-type: none"> • Bilik JQAF • Bilik Guru • Bilik Operasi SPBT
1.5	SK Sungai Petani	14.07.2017	<ul style="list-style-type: none"> • Bilik Muzik dan Seni
1.6	SK Bukit Meriam	23.03.2021	<ul style="list-style-type: none"> • Keseluruhan Sekolah
2.0. Negeri Perak			
2.1.	SK Sultan Abdullah	15.12.2021	<ul style="list-style-type: none"> • Blok Pra Sekolah
2.2.	SK Manong	29.11.2021	<ul style="list-style-type: none"> • Blok F (Bilik Darjah dan Bilik Pemulihan)
2.3.	SK Tanjung Belanja	05.04.2021	<ul style="list-style-type: none"> • Blok G (Pra Sekolah, Surau, Bilik SPBT, Bilik Pemulihan, Bilik JQAF, Stor, Bilik KH dan PPKI)
3.0. Negeri Sabah			
3.1.	SK Mengkabong	20.07.2020	<ul style="list-style-type: none"> • Blok D (Bilik Pemulihan)
4.0. Negeri Sarawak			
4.1.	SK Sg. Passai	02.05.2014	<ul style="list-style-type: none"> • Blok Pra Sekolah • Blok Kelas, Pusat Sumber, Bilik Sains, Pejabat Pentadbiran dan Stor • Kuarters Guru

BIL.	SEKOLAH	TARIKH SYOR JKR	BANGUNAN/RUANG YANG DISAHKAN TIDAK SELAMAT
4.2.	SK Ng. Jagau	16.02.2017	<ul style="list-style-type: none"> Blok F (Rumah Guru Besar) (Gambar 22)
4.3.	SMK Jalan Oya	24.07.2020 dan 17.09.2021	<ul style="list-style-type: none"> Rumah Kakitangan Blok Bilik Darjah (jenis kabin) 1, 2, 3, 4 dan 5

Sumber: Lawatan Fizikal Audit di Sekolah Pada Bulan Januari dan Februari 2023

Nota: (*) - Tarikh Laporan Pemeriksaan Pelupusan Aset Tak Alish

GAMBAR 20



SK Padang Chichak, Kedah
- Kuarters Guru yang Belum Dirobohkan
dan Tiada Tanda Amaran Keselamatan
(18.01.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 21



SK Padang Chichak, Kedah
- Blok Pra Sekolah yang Belum Dirobohkan
dan Tiada Tanda Amaran Keselamatan
(18.01.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 22



SK Ng. Jagau, Sarawak
- Kuarters Guru Besar yang Belum
Dirobohkan dan Tiada Tanda Amaran
Keselamatan
(15.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Analisis Audit selanjutnya mendapati **masih terdapat 889 (81.3%) daripada 1,094 sekolah yang dikenal pasti mempunyai bangunan daif belum dibuat pemeriksaan oleh JKR**. Sekolah ini telah dikenal pasti oleh KPM sejak tahun 2020 hingga 2022. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan status 889 sekolah tersebut sama ada pihak JPN telah mengemukakan permohonan pemeriksaan kepada pihak JKR atau masih dalam proses pemeriksaan JKR. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
SEKOLAH MEMPUNYAI BANGUNAN DAIF YANG BELUM DIBUAT
PEMERIKSAAN OLEH JKR

BIL.	NEGERI	TAHUN			JUMLAH
		2020	2021	2022	
1.	Sarawak	135	57	120	312
2.	Sabah	165	52	57	274
3.	Perak	-	14	17	31
4.	Kedah	4	7	18	29
5.	Lain-lain	3	37	203	243
JUMLAH		307	167	415	889

Sumber: Data Sub Modul Infrastruktur EMIS dan Rekod KPM Setakat 31 Disember 2022

Maklum balas KPM yang diterima pada 5 Mei 2023

- Status terkini sekolah yang belum diangkat permohonan pelaksanaan projek daif:

205 SEKOLAH YANG TELAH DIPERIKSA DAN MENDAPAT SYOR JKR	889 SEKOLAH BELUM DIPERIKSA OLEH JKR
<ul style="list-style-type: none"> • 31 sekolah diluluskan dalam RMKe-12 RP3 tahun 2023. • 19 sekolah baru diangkat dalam RMKe-12 RP4 tahun 2024. • Sembilan sekolah dilaksanakan kerja penyenggaraan kerana bangunan/kemudahan tidak berada dalam keadaan daif. • 73 sekolah dirancang untuk diangkat pada RMKe-12 RP4 tahun 2025. • 73 sekolah belum diangkat kerana isu hak milik tanah dan saiz tanah sekolah kecil. 	<ul style="list-style-type: none"> • 54 sekolah telah diperiksa oleh JKR serta disyorkan roboh dan bina semula. Permohonan projek daif telah diangkat kepada Kementerian Ekonomi seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> - 19 sekolah diluluskan dalam RMKe-12 RP3 tahun 2023. - 35 sekolah baru diangkat untuk kelulusan dalam RMKe-12 RP4 tahun 2024. • 611 sekolah telah diperiksa oleh pegawai teknikal (JPN/PPD) dan disyorkan kerja ubah suai dan naik taraf, roboh dan bina semula serta lupus. Kesemua sekolah akan diangkat dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) secara berfasa berdasarkan kriteria yang ditetapkan. • 71 sekolah telah diperiksa oleh JKR dan diberi syor berikut: <ul style="list-style-type: none"> - 53 sekolah dilaksanakan kerja penyenggaraan - 18 sekolah tidak memerlukan kerja pembaikan • 153 sekolah masih dalam proses pemeriksaan JKR.

**Pendapat
Audit**

Penggunaan bangunan yang disahkan tidak selamat menyebabkan sesi PdP dilaksanakan dalam keadaan tidak kondusif dan boleh menjelaskan keselamatan murid dan guru. Kelewatan mengambil tindakan menyenggara bangunan seperti yang disyorkan oleh JKR akan menyebabkan keadaan bangunan menjadi lebih teruk dan usang.

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel pengauditan dapat dirumuskan bahawa pencapaian prestasi kerja naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah adalah kurang memuaskan. Ini kerana daripada 1,505 sekolah yang dikenal pasti mempunyai bangunan daif, hanya 411 (27.3%) sekolah diangkat permohonan pelaksanaan projek daif kepada Kementerian Ekonomi. Bagaimanapun, sehingga 31 Disember 2022 hanya 123 (31.9%) daripada 386 sekolah yang dilaksanakan projek daif telah siap. Keberhasilan pengurusan naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif tidak tercapai sepenuhnya kerana sebahagian projek masih dalam fasa pelaksanaan/belum dimulakan sehingga akhir tahun 2022. Ini menyebabkan PdP masih dilaksanakan di ruang yang telah disahkan tidak selamat oleh JKR dan terdapat penempatan sementara yang disediakan oleh pihak sekolah tidak kondusif. Kelewatan mengangkat permohonan projek daif kepada Kementerian Ekonomi dan kelewatan pelaksanaan projek yang telah diluluskan boleh menjelaskan keselamatan murid dan guru apabila bangunan/ruang yang disahkan tidak selamat masih digunakan.

7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, pihak Audit mengesyorkan tindakan seperti berikut:

- 7.1. KPM perlu mengangkat lebih banyak permohonan projek daif kepada pihak Kementerian Ekonomi untuk kelulusan bagi memastikan sekolah yang dikenal pasti mempunyai bangunan daif dinaik taraf dengan segera;
- 7.2. Melaksanakan sesi libat urus dengan semua pihak yang terlibat supaya keperluan setiap agensi berkenaan dapat diselaraskan dan pembangunan sekolah menepati keperluan pengguna. Selain itu, pelaksanaan projek ini perlu dipantau dengan rapi supaya projek daif dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan;
- 7.3. KPM hendaklah menyediakan perancangan penyuraian murid bagi sekolah yang dikenal pasti mempunyai bangunan daif supaya PdP dapat dilaksanakan dalam keadaan yang selamat dan kondusif; dan
- 7.4. KPM perlu melaksanakan penyenggaraan secara berkala bagi memastikan bangunan sekolah sentiasa berada dalam keadaan selamat dan kondusif untuk tujuan pelaksanaan PdP.